PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

# BSN Takaful Makmur

(Ini adalah produk takaful)

**Disediakan khas untuk:**

Ali Bin Abu

**Disediakan oleh:** Nur Izatul

Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN") adalah pengendali takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan di kawal selia oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

# LAMPIRAN KETERANGAN PRODUK

**(Sila baca Lampiran Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil BSN Takaful Makmur. Sila baca juga terma-terma dan syarat-syarat am yang berkenaan.)**

PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD
BSN Takaful Makmur
23/10/2023

**1. Apakah produk ini?**

Produk ini adalah pelan takaful keluarga dengan 3 tahun ("Tempoh Bayaran Sumbangan") sumbangan berkala yang menawarkan perlindungan takaful dan simpanan selama 15 tahun ("Tempoh Perlindungan"). Pelan ini akan membayar manfaat secara sekaligus sekiranya Orang yang Dilindungi meninggal dunia semasa Tempoh Perlindungan sijil. Manfaat ini juga memberi perlindungan sekiranya mengalami Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD) sehingga sijil matang atau sehingga tarikh ulang tahun sijil di mana Orang yang Dilindungi mencapai umur 70 pada tarikh lahir akan datang, yang mana berlaku lebih awal.

Sebagai tambahan, pelan ini juga akan membayar Bayaran Tunai Tahunan bermula pada akhir tahun sijil yang pertama dan pada setiap tahun berikutnya sehinggalah sijil matang atau sijil ditamatkan, yang mana berlaku lebih awal. Bayaran Tunai Tahunan adalah dijamin dengan syarat anda telah membayar semua sumbangan sepenuhnya dalam tempoh tangguh pembayaran sumbangan.

Apabila sijil matang, anda akan menerima Manfaat Matang yang Dijamin yang bersamaan dengan amaun Jumlah Perlindungan Asas atau nilai di dalam Akaun MaxiShield (MSA), yang mana lebih tinggi. Nilai unit dalam Akaun Unit Pelaburan (IUA) (jika ada) juga akan dibayar apabila sijil matang. Manfaat Matang yang Dijamin hanya perlu dibayar dengan syarat anda telah membayar semua sumbangan anda sepenuhnya dalam tempoh tangguh pembayaran sumbangan. Jika tidak, anda hanya akan dibayar Nilai Tunai.

Takaful Saver adalah rider opsyenal yang memberikan peluang pelaburan kepada anda dengan memperuntukkan 95% daripada sumbangan ke dalam dana-dana berkaitan pelaburan pilihan anda. Nilai pelaburan ini adalah bergantung kepada harga unit-unit yang berkaitan yang mana ia bergantung pula kepada prestasi dana-dana yang telah anda pilih.

**2. Apakah akaun-akaun yang diguna pakai?**

Kami akan mewujudkan akaun-akaun berikut untuk anda:

- Akaun MaxiShield (MSA) - Akaun di mana sebahagian daripada sumbangan pelan asas bersama sumbangan rider (jika ada) akan diperuntukkan. Kami akan membayar bahagian anda daripada lebihan yang boleh diagihkan (jika ada) ke dalam akaun ini.
- Akaun Unit Pelaburan (IUA) - Akaun di mana sumbangan daripada Takaful Saver (jika ada) dan Bayaran Tunai Tahunan (jika anda memilih pengumpulan di dalam IUA) akan digunakan untuk membeli unit-unit untuk tujuan pelaburan.

**3. Apakah konsep-konsep Shariah yang diguna pakai?**

- *Ta`awun* - persetujuan untuk saling membantu berdasarkan prinsip pertolongan bersama. Takaful adalah berdasarkan konsep *Ta`awun* seperti yang ditakrifkan di dalam bawah Seksyen 2 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang bermaksud suatu persetujuan yang berdasarkan kepada pertolongan bersama di mana peserta-peserta takaful bersetuju untuk menyumbang ke dalam suatu dana yang akan memberi manfaat kewangan yang akan dibayar kepada peserta-peserta takaful atau kepada waris mereka sekiranya berlaku perkara-perkara yang telah dipersetujui terlebih dahulu. Sumbangan yang akan dimasukkan dan dikumpulkan ke dalam dana bersama iaitu Dana *Tabarru`* adalah *Tabarru`* at (kebajikan) secara alami.
- *Wakalah bi al-ujrah* - Suatu persetujuan yang melantik PruBSN untuk menguruskan perkhidmatan keseluruhan di bawah sijil anda. Sebagai bayaran untuk perkhidmatan yang diberikan ini, PruBSN berhak untuk mengambil sebahagian daripada sumbangan yang anda bayar sebagai caj-caj *Wakalah*. Selain daripada caj-caj *Wakalah*, PruBSN juga layak menerima yuran prestasi di atas lebihan yang boleh diberikan daripada Dana *Tabarru`*.

**4. Apakah perlindungan-perlindungan / manfaat-manfaat yang diberikan?**

Jadual di bawah adalah ringkasan manfaat-manfaat yang telah anda pilih. Sila rujuk Ilustrasi Produk untuk mengetahui lebih lanjut mengenai ilustrasi pulangan tahunan dan sila rujuk Lampiran yang berkaitan untuk mengetahui lebih lanjut mengenai pelan asas dan rider (jika ada).

| **Manfaat-manfaat Asas** | |
|---|---|
| Manfaat Kematian | Manfaat Kematian merupakan amaun yang mana lebih tinggi:<br>• Amaun Manfaat Kematian Terjamin* ditolak sebarang sumbangan asas yang tertunggak; ATAU<br>• amaun di dalam MSA;<br>beserta amaun di dalam IUA (jika ada), selepas ditolak sebarang hutang.<br>*Sila rujuk Ilustrasi Produk untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Manfaat Kematian Terjamin untuk setiap tahun sijil. |
| Manfaat Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD) | Manfaat Kematian seperti yang dinyatakan di atas akan dibayar sekiranya Orang yang Dilindungi mengalami Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh sebelum tarikh ulang tahun sijil di mana Orang yang Dilindungi mencapai umur 70 pada tarikh lahir akan datang atau apabila sijil matang, yang mana berlaku lebih awal. |
| Manfaat Kematian Akibat Kemalangan (ADB) | Tambahan 100% dari Jumlah Perlindungan Asas, RM 10,200 ke atas Manfaat Kematian akan dibayar sekiranya kematian Orang yang Dilindungi akibat kemalangan berlaku dalam tempoh sijil atau sebelum tarikh ulang tahun sijil di mana Orang yang Dilindungi mencapai umur 70 pada tarikh lahir akan datang, yang mana berlaku lebih awal.<br>Sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan ketika Orang yang Dilindungi berumur di bawah 19 tahun pada tarikh lahir akan datang, Manfaat Kematian akibat Kemalangan yang akan dibayar akan tertakluk pada maksimum 2 juta untuk setiap hayat. |
| | Bayaran Tunai Tahunan akan dibayar bermula dari bermula pada akhir tahun sijil yang pertama dan pada setiap tahun berikutnya dengan syarat sijil ini masih berkuatkuasa sehingga penamatan atau apabila sijil matang, yang mana berlaku lebih awal.<br>Bayaran Tunai Tahunan dibayar seperti berikut :<br>\| \| Bayaran Tunai Tahunan \| |

<table>
<tr><td>Bayaran Tunai Tahunan</td><td>

| Akhir Tahun Sijil | % Sumbangan Tahunan Asas | RM |
|---|---|---|
| 1 hingga 5 | 5 % | 300 |
| 6 hingga 10 | 10 % | 600 |
| 11 hingga 15 | 15 % | 900 |

Bayaran Tunai Tahunan yang perlu dibayar seperti yang digambarkan di atas hanya dijamin dengan syarat anda telah membayar sepenuhnya sumbangan anda dalam tempoh tangguh pembayaran sumbangan di mana Dana *Tabarru`* akan memberi sokongan sekiranya jumlah dalam MSA tidak mencukupi untuk membayar Bayaran Tunai Tahunan. Jika tidak, jumlah Bayaran Tunai Tahunan yang perlu dibayar bergantung pada kecukupan MSA.<br><br>Sekiranya pilihan pengumpulan dipilih, Bayaran Tunai Tahunan akan dilaburkan ke dalam Dana (-dana) Takafulink berkaitan pelaburan yang anda pilih melalui Akaun Unit Pelaburan (IUA). Bayaran Tunai Tahunan terkumpul akan dibayar bersama bersama Manfaat Kematian/ Kematian akibat Kemalangan / Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh / Serahan / Matang, yang mana berlaku lebih awal.</td></tr>
<tr><td>Manfaat matang</td><td>Manfaat Matang merupakan yang tertinggi daripada:<br><br>• Manfaat Matang Dijamin ** - RM 10,200; ATAU<br>• amaun di dalam MSA;<br><br>termasuk dengan nilai unit dalam IUA (jika ada), selepas ditolak sebarang hutang.<br><br>(**Manfaat Matang Dijamin hanya akan dibayar dengan syarat anda telah membayar semua sumbangan anda sepenuhnya dalam tempoh tangguh. Jika tidak, anda hanya akan dibayar nilai tunai sijil).</td></tr>
<tr><th colspan="2">Manfaat Contributor</th></tr>
<tr><td>Contributor Protect</td><td>Tidak Berkenaan</td></tr>
<tr><td>Contributor Saver</td><td>Tidak Berkenaan</td></tr>
<tr><td>Contributor Parent Protect</td><td>Tidak Berkenaan</td></tr>
<tr><td>Contributor Parent Saver</td><td>Tidak Berkenaan</td></tr>
<tr><td>Contributor Spouse Protect</td><td>Tidak Berkenaan</td></tr>
<tr><td>Contributor Spouse Saver</td><td>Tidak Berkenaan</td></tr>
</table>

**Dana yang dipilih:**
Akaun Unit Pelaburan (IUA):

| | |
|---|---|
| Takafulink Dana Sukuk | 0% |
| Takafulink Dana Urus | 100% |
| Takafulink Dana Ekuiti Plus | 0% |
| Takafulink Dana Ekuiti Income | 0% |
| Takafulink Dana Ekuiti Dinasti | 0% |
| Takafulink Dana Ekuiti Global | 0% |
| Takafulink Dana Dinamik | 0% |
| Takafulink Dana Aktif | 0% |

**Nota:**
(1) Setiap Sumbangan IUA dan Bayaran Tunai Tahunan (jika anda memilih pengumpulan di dalam IUA) yang diterima akan dilaburkan terlebih dahulu di dalam dana-dana yang dinyatakan di atas.
(2) Anda boleh menukar sebahagian atau keseluruhan baki di dalam IUA ke dana-dana yang lain.

**Peringatan:**Sila baca risalah pemasaran yang menerangkan manfaat-manfaat produk dan objektif dana-dana berkaitan pelaburan. Adalah penting bagi anda untuk memilih dana atau gabungan dana-dana yang bersesuaian dengan matlamat kewangan dan profil risiko anda.

Tempoh pelan: 15 tahun atau sehingga meninggal dunia/TPD (yang mana berlaku lebih awal).

**5. Berapakah sumbangan yang perlu saya bayar?**

- Jumlah Sumbangan yang perlu anda bayar dan terma-terma sijil mungkin berbeza bergantung kepada manfaat yang dipilih dan keperluan pengunderaitan PruBSN.
- Anggaran jumlah sumbangan yang perlu anda bayar adalah:

| | |
|---|---|
| Sumbangan MSA | RM 510.00 |
| Caj Sijil *Wakalah* | RM 5.00 |
| Jumlah Sumbangan | RM 515.00 Bulanan |

- Sila rujuk kepada Ilustrasi Produk untuk anggaran sumbangan bagi setiap tahun.
- Sumbangan akan dibayar sehingga umur 35 pada tarikh lahir akan datang.
- Adalah penting untuk anda menyimpan semua resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran sumbangan.
- Untuk sumbangan ke dalam IUA (jika ada), kami akan memperuntukkan sebahagian daripada sumbangan tersebut untuk membeli unit-unit di dalam dana berkaitan pelaburan. Sebarang amaun yang tidak diperuntukkan akan digunakan untuk membayar caj-caj *Wakalah* yang terdiri daripada komisen kepada Bank Simpanan Nasional (bank) dan perbelanjaan-perbelanjaan lain yang kami tanggung. Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada kadar peruntukkan yang ditunjukkan di dalam Ilustrasi Produk.
- Amaun sumbangan adalah tidak dijamin dan mungkin diubah dengan memberi notis bertulis 90 hari lebih awal kepada para peserta. Anda

mungkin perlu membayar sumbangan tambahan walaupun selepas tempoh pembayaran Sumbangan sekiranya terdapat sebarang kenaikan pada kadar penolakan *Tabarru`* dan/atau caj-caj.

- Sumbangan yang anda bayar menyumbang kepada kedua-dua elemen simpanan dan perlindungan produk, seperti manfaat kematian. Jika anda sedang mencari produk kewangan dengan elemen simpanan, anda mungkin ingin membandingkan pulangan tahunan sijil takaful ini dengan pulangan efektif daripada alternatif pelaburan lain.

### 6. Apakah caj-caj yang perlu saya bayar?

| Jenis | Amaun |
|---|---|
| Jumlah Caj *Wakalah* | 22.39% daripada sumbangan keseluruhan atau RM 4,151.88 daripada RM 18,540.00 |

- Jumlah Caj *Wakalah* adalah termasuk Caj Sijil *Wakalah* dan Caj *Wakalah* Pendahuluan untuk setiap tahun sijil. Sila rujuk kepada Ilustrasi Produk untuk maklumat lanjut mengenai Caj Sijil *Wakalah* dan Caj *Wakalah* Pendahuluan.

- *Tabarru`* akan ditolak setiap bulan daripada nilai MSA anda. Amaun *Tabarru`* akan bertambah apabila umur Orang yang Dilindungi semakin meningkat. Sila rujuk bahagian (k) dan (n) di dalam Ilustrasi Produk untuk anggaran penolakan *Tabarru`* bagi setiap tahun sijil.

- Komisen adalah sebahagian daripada Caj *Wakalah* Pendahuluan untuk MSA dan IUA (jika ada). Komisen yang diilustrasi sehingga Tempoh Pembayaran Sumbangan yang dipilih dibawah termasuk komisen dan bonus yang perlu dibayar kepada bank. Bank mungkin berhak untuk mendapat bonus dengan syarat bank memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh PruBSN.

| **Akhir Tahun Sijil** | **Sumbangan yang Dibayar Termasuk Caj Sijil *Wakalah* (RM)** | **Komisen yang ditanggung oleh anda dan dibayar daripada sumbangan yang dibayar setiap tahun** | |
|---|---|---|---|
| | | **Bahagian daripada Sumbangan yang Ditolak untuk Komisen yang akan Dibayar (%)** | **Amaun (RM)** |
| 1 | 6,180 | 6.20 | 383 |
| 2 | 6,180 | 4.71 | 291 |
| 3 | 6,180 | 3.96 | 245 |
| Jumlah | 18,540 | 4.96 | 919 |

- Caj-caj lain adalah seperti di bawah:

| | | |
|---|---|---|
| Caj *Wakalah* Pengurusan Aset (Hanya diguna pakai untuk IUA) | Takafulink Dana Sukuk | 0.50% setahun daripada aset-aset dana |
| | Takafulink Dana Urus | 1.30% setahun daripada aset-aset dana |
| | Takafulink Dana Ekuiti Plus | 1.50% setahun daripada aset-aset dana |
| | Takafulink Dana Ekuiti Income | 1.50% setahun daripada aset-aset dana |
| | Takafulink Dana Ekuiti Dinasti | 1.50% setahun daripada aset-aset dana |
| | Takafulink Dana Ekuiti Global | 1.50% setahun daripada aset-aset dana |
| | Takafulink Dana Dinamik | 1.25% setahun daripada aset-aset dana |
| | Takafulink Dana Aktif | 1.50% setahun daripada aset-aset dana |
| | Nota: Caj *Wakalah* Pengurusan Aset akan ditolak setiap hari dan sudah diambil kira di dalam harga unit. | |
| Caj *Wakalah* Penukaran Dana* (Hanya diguna pakai untuk IUA) | 4 penukaran pertama di dalam satu tahun sijil | Tiada caj dikenakan. |
| | Penukaran seterusnya di dalam tahun sijil yang sama | 1% daripada amaun yang ditukar tertakluk pada amaun maksimum sebanyak RM50 bagi setiap penukaran. |
| Caj *Wakalah* Penambahan Sumbangan Tunggal* | RM25 bagi setiap tambah nilai. | |
| Caj *Wakalah* Pengeluaran Separa* (Hanya diguna pakai untuk IUA) | RM25 bagi setiap permintaan. | |

Nota:
1.*Caj-caj ini dikecualikan sehinggalah urus niaga elektronik telah tersedia. Selepas itu, permintaan secara manual untuk penukaran dana tambahan, penambahan sumbangan dan pengeluaran separa akan dikenakan caj-caj seperti yang dinyatakan di atas.
2.Caj-caj adalah tidak dijamin dan mungkin berubah dengan memberi notis bertulis 90 hari lebih awal hari kecuali untuk manfaat penyakit kritikal (jika dilampirkan) di mana notis 30 hari akan diberikan kepada anda sebelum sebarang perubahan dibuat.
3.Sila ambil perhatian bahawa anda mungkin perlu membayar sumbangan tambahan walaupun selepas tempoh pembayaran sumbangan sekiranya terdapat sebarang kenaikan pada kadar penolakan *Tabarru`* dan / atau caj-caj.

### 7. Apakah terma-terma dan syarat-syarat penting yang perlu saya tahu?

- **Kepentingan pendedahan** - Anda mempunyai tanggungjawab untuk mendedahkan semua maklumat yang berkaitan termasuklah keadaan kesihatan Orang yang Dilindungi semasa menjawab sebarang soalan yang kami tanya dan untuk menyatakan umur sebenar Orang yang Dilindungi. Sekiranya sijil ini adalah sepenuhnya untuk kegunaan peribadi, anda haruslah berusaha sedaya-upaya untuk mendedahkan sebarang maklumat yang berkaitan yang anda tahu dan tidak cuba untuk mengelirukan kami. Tanggungjawab anda untuk mendedahkan maklumat akan berterusan sehinggalah sijil takaful telah dikeluarkan.

- **Tempoh rujukan percuma** - Anda boleh membatalkan sijil anda dalam tempoh 15 hari selepas sijil telah dihantar kepada anda. Kami kemudiannya akan mengembalikan amaun di dalam MSA anda dan nilai unit-unit di dalam IUA (jika ada) yang telah diperuntukkan mengikut harga unit pada tarikh penilaian yang berikutnya dan sebarang Caj Sijil *Wakalah*, penolakan *Tabarru`*, Caj *Wakalah* Pendahuluan dan Cukai Perkhidmatan (jika ada) yang telah dikenakan ditolak sebarang caj perubatan yang telah ditanggung PruBSN.

- **Nilai tunai** - Jumlah keseluruhan amaun di dalam MSA anda dan nilai unit-unit di dalam IUA anda (jika ada). Nilai di dalam akaun-akaun ini

adalah bergantung kepada prestasi dana MSA dan dana(-dana) Takafulink IUA (jika ada).

- **Tempoh tangguh** - Anda diberi tempoh tangguh selama 60 hari dari tarikh sumbangan patut dibayar untuk membayar sumbangan anda sebelum sijil mempunyai risiko untuk ditamatkan akibat sumbangan yang tidak dibayar. Anda boleh merujuk kepada dokumen sijil untuk definisi tarikh sumbangan patut dibayar.
- **Peruntukan Tanpa Luput** - Sekiranya anda berterusan membayar sumbangan anda secara penuh dalam Tempoh Tangguh, sijil anda tidak akan ditamatkan walaupun nilai di dalam MSA anda telah menjadi sifar. Peruntukan Tanpa Luput ini akan ditarik balik sekiranya terdapat sumbangan yang tidak dibayar dalam tempoh tangguh dan sijil akan luput apabila amaun di dalam MSA tidak mencukupi untuk membayar penolakan *Tabarru*`, Bayaran Tunai Tahunan dan Caj *Wakalah* walaupun mempunyai baki nilai unit-unit di dalam IUA anda. Sebarang penolakan *Tabarru* ` dan caj-caj yang tidak dibayar semasa Peruntukan Tanpa Luput berkuatkuasa akan dianggap sebagai amaun yang perlu dibayar semula kepada PruBSN dan akan ditolak daripada Nilai Tunai di bawah sijil ini. Anda harus meminta wakil bank untuk menerangkan kepada anda mengenai sumbangan yang tidak dibayar dan kesannya kepada perlindungan takaful anda.
- **Penamatan sijil** - Sijil akan ditamatkan sekiranya terdapat sumbangan yang tidak dibayar sehingga menyebabkan nilai di dalam MSA anda tidak mencukupi untuk membayar penolakan *Tabarru*`, Bayaran Tunai Tahunan dan caj-caj *Wakalah*. Apabila sijil telah ditamatkan, kami akan membayar nilai unit-unit di dalam IUA anda (jika ada) dan semua manfaat akan terhenti.
- **Penguatkuasaan semula** - Apabila sijil telah luput, anda boleh membuat penguatkuasaan semula dengan membayar semua sumbangan yang tertunggak dalam tempoh 12 bulan dari tarikh luput. Walaubagaimanapun, selepas penguatkuasaan semula telah dibuat, Dana *Tabarru*` tidak lagi akan memberi sokongan sekiranya amaun di dalam MSA tidak mencukupi untuk membayar Bayaran Tunai Tahunan atau Manfaat Matang.
- **Penamaan** - Anda dinasihatkan untuk membuat penamaan untuk sijil takaful bagi memastikan pembayaran tuntutan yang lancar. Anda juga harus memastikan penama tersebut sedar mengenai sijil yang telah anda ambil.
- **Tuntutan** - Sila rujuk dokumen sijil untuk memahami prosedur tuntutan.
- **Tempoh Menunggu -** Kelayakan untuk manfaat-manfaat di bawah sijil takaful hanya akan bermula selepas tempoh menunggu seperti yang di bawah (jika berkenaan) dari tarikh permulaan sijil takaful, tarikh penguatkuasaan semula sijil atau tarikh endorsan, yang mana lebih awal.

| Manfaat | Jenis | Tempoh Menunggu |
|---|---|---|
| Manfaat Contributor | Serangan Jantung, Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Penyakit Arteri Koronari Serius, Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain Untuk Penyakit Arteri Koronari dan Kanser | 60 hari |
| | Semua penyakit lain yang dilindungi | 30 hari |

**Nota:** Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk dokumen sijil untuk senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat di bawah sijil ini.

**8. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah sijil ini?**

**Kematian**

Kami tidak akan membayar Manfaat Kematian sekiranya ia disebabkan oleh bunuh diri semasa waras atau tidak waras dalam tempoh satu tahun dari tarikh penguatkuasaan sijil atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana kemudian. Sebaliknya, kami hanya akan membayar amaun di dalam MSA dan nilai unit-unit di dalam IUA (jika ada).

**Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh**

PruBSN tidak akan membayar sebarang manfaat sekiranya hilang upaya adalah berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan salah satu daripada yang di bawah.

- Cubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan ke atas diri sendiri semasa waras atau tidak waras; atau
- Melakukan kesalahan jenayah atau cubaan untuk melakukan kesalahan jenayah; atau
- Penyalahgunaan dadah atau stimulator termasuk sebarang komplikasi akibat daripada penderaan; atau
- Peperangan atau perbuatan-perbuatan agresif seperti penaklukan, tindakan daripada negara-negara asing, tindakan daripada musuh (sama ada perang telah diisytiharkan atau tidak), perang saudara, kebangkitan, revolusi, rusuhan, campur tangan daripada tentera atau rampasan kuasa; atau
- Menyertai sukan profesional, selaman scuba, apa jua bentuk perlumbaan, penerbangan udara selain daripada sebagai seorang anak kapal atau penumpang yang membayar tambang di dalam pesawat pembawa penumpang komersil yang berlesen dan beroperasi mengikut laluan biasa yang telah dijadualkan atau sebarang aktiviti atau sukan yang berbahaya (termasuklah terjunan bungee, geluncur udara, belon udara, payung terjun dan terjunan udara) melainkan telah mendapat persetujuan daripada kami terlebih dahulu melalui endorsan khas.

**Manfaat Kematian Akibat Kemalangan**

Kami tidak akan membayar sebarang Manfaat Kematian Akibat Kemalangan dengan salah satu daripada yang di bawah.

- peperangan, penaklukan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, kuasa ketenteraan atau rampasan kuasa, pembabitan secara langsung dalam rusuhan, mogok atau kekacauan awam; atau
- pelanggaran atau cubaan melanggar undang-undang atau menentang penahanan; atau
- cubaan membunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan dalam keadaan siuman atau tidak siuman; atau
- mabuk akibat alkohol atau dadah; atau
- terlibat atau mengambil bahagian dalam sukan profesional, selam skuba, sebarang acara perlumbaan, penerbangan udara (termasuk terjun lelabah, luncur udara, belon udara, payung terjun dan terjun udara) melainkan sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang menaiki pesawat penumpang komersil berlesen yang beroperasi melalui laluan yang dijadualkan biasa atau sebarang aktiviti atau sukan berbahaya, melainkan telah dipersetujui melalui pengendorsan khas yang dikeluarkan oleh PruBSN; atau
- apa-apa bentuk sakit atau penyakit yang bukan disebabkan oleh kemalangan; atau
- penggunaan narkotik atau dadah melainkan diambil mengikut preskripsi doktor.

***Nota:*** *Pengecualian di atas hanyalah untuk pelan asas sahaja dan adalah tidak lengkap. Untuk pengecualian bagi rider (jika dilampirkan), sila rujuk kepada Lampiran di bawah Ilustrasi Produk. Untuk senarai penuh pengecualian di bawah pelan ini, sila rujuk dokumen sijil.*

**9. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?**

Menyertai pelan takaful keluarga memerlukan komitmen kewangan untuk jangka masa yang panjang. Adalah tidak digalakkan untuk mengambil sijil ini untuk jangka masa yang pendek disebabkan kos permulaannya yang tinggi. Anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberi notis bertulis dan memulangkan dokumen sijil asal kepada kami. Kami kemudiannya akan membayar kepada anda amaun di dalam MSA anda, dan nilai unit-unit di dalam IUA anda (jika ada).

**10. Apa yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada butir-butir perhubungan saya?**
Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada PruBSN sekiranya terdapat sebarang perubahan pada butir-butir perhubungan anda bagi memastikan segala surat-menyurat akan sampai kepada anda tepat pada waktunya.

**11. Di mana boleh saya dapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan maklumat tambahan mengenai takaful keluarga, sila hubungi wakil bank atau perkhidmatan pelanggan PruBSN di:

**Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)**
**Aras 13, Menara Prudential,**
**Persiaran TRX Barat,**
**55188 Tun Razak Exchange,**
**Kuala Lumpur.**
**Tel: 03-2775 7188**
**E-mel: customer@prubsn.com.my**

Anda juga boleh melayari laman web PruBSN di www.prubsn.com.my.

**12.Perlindungan takaful keluarga lain yang boleh didapati:**
Sila hubungi wakil bank untuk jenis-jenis perlindungan lain yang boleh didapati.

**NOTA PENTING:**
**MENYERTAI PELAN TAKAFUL KELUARGA MEMERLUKAN KOMITMEN KEWANGAN UNTUK JANGKA MASA YANG PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS SIJIL YANG BERSESUAIAN DENGAN KEPERLUAN PERIBADI ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI KANDUNGAN SIJIL TAKAFUL SERTA BERBINCANG DENGAN WAKIL BANK ATAU HUBUNGI KAMI SECARA TERUS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.**

**INI ADALAH PRODUK TAKAFUL YANG TERIKAT KEPADA PRESTASI ASET-ASET DAN BUKAN PRODUK PELABURAN PENUH SEPERTI UNIT AMANAH. ANDA HARUS MENILAI PILIHAN ANDA DENGAN CERMAT DAN BERPUAS HATI BAHAWA PELAN TAKAFUL BERKAITAN PELABURAN YANG DIPILIH MEMENUHI KEHENDAK RISIKO ANDA DAN ANDA MAMPU UNTUK MEMBAYAR SUMBANGAN SEPANJANG TEMPOH SIJIL. PULANGAN DARIPADA DANA BERKAITAN PELABURAN ADALAH TIDAK DIJAMIN.**

Maklumat yang dibekalkan di dalam lampiran keterangan ini adalah sah pada atau sehingga 23/10/2023.

PRUDENTIAL BSN TAKAFUL

# PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD
## Butiran Sebut Harga untuk BSN Takaful Makmur

| **Butiran** | **Orang yang akan Dilindungi** |
|---|---|
| **Nama** | : Ali Bin Abu |
| **Jantina** | : Lelaki |
| **Perokok** | : Tidak |
| **Pekerjaan** | : Kelas 1 |
| **Umur** | : 32 pada tarikh lahir akan datang |
| **Tarikh lahir** | : 18/07/1992 |

| | |
|---|---|
| **Jenis Produk** | : Takaful Keluarga Sumbangan Berkala dengan Pembayaran Terhad |
| **Jumlah Sumbangan Bulanan** | : RM 515.00 |
| **Sumbangan Asas Tahunan** | : RM 6,000.00 |
| **Jumlah Sumbangan Tahunan** | : RM 6,180.00 |
| **Kaedah Pembayaran** | : Kad Kredit, Kad Debit |
| **Jumlah Perlindungan Asas** | : RM 10,200 |
| **Tempoh Pembayaran Sumbangan** | : 3 tahun |
| **Tempoh Sijil** | : 15 tahun |
| **Pilihan Bayaran Tunai Tahunan** | : Pengumpulan di dalam IUA |

**Ali Bin Abu tidak perlu menjalani pengunderaitan normal dan digalakkan untuk mengisi Bahagian 4, Butiran Kesihatan dalam Borang Cadangan. Untuk maklumat lanjut mengenai Tawaran Pemberian Dijamin, sila rujuk dokumen sijil.**

**Dana yang dipilih untuk IUA:**

| | |
|---|---|
| Takafulink Dana Sukuk | 0% |
| Takafulink Dana Urus | 100% |
| Takafulink Dana Ekuiti Plus | 0% |
| Takafulink Dana Ekuiti Income | 0% |
| Takafulink Dana Ekuiti Dinasti | 0% |
| Takafulink Dana Ekuiti Global | 0% |
| Takafulink Dana Dinamik | 0% |
| Takafulink Dana Aktif | 0% |

**Penerangan Produk:**

- BSN Takaful Makmur adalah suatu pelan sumbangan berkala dengan pembayaran selama 3 tahun yang menawarkan perlindungan takaful dan pelaburan untuk 15 tahun dan merupakan gabungan di antara Takaful Keluarga Biasa.
- Sumbangan untuk pelan ini kecuali sumbangan untuk Takaful Saver , selepas ditolak Caj *Wakalah* Pendahuluan, akan diperuntukkan kepada dana tidak berkaitan yang dikenali sebagai Akaun MaxiShield (MSA).
- Sumbangan untuk Takaful Saver, selepas ditolak Caj *Wakalah* Pendahuluan, akan dilaburkan di dalam dana berkaitan pelaburan pilihan anda melalui Akaun Unit Pelaburan (IUA).
- Pelan ini turut serta di dalam perkongsian lebihan.
- Nilai unit-unit adalah berdasarkan harga unit pada tarikh penilaian berikutnya selepas tarikh rasmi pemberitahuan.
- Anda harus membaca Ilustrasi Produk ini bersama-sama dengan helaian fakta dana untuk dana pelaburan yang telah anda pilih. Helaian fakta dana mengandungi semua maklumat penting yang anda perlu tahu mengenai dana pelaburan tersebut.
- Anda perlu merujuk kepada wakil bank untuk menerangkan kepada anda mengenai Penolakan *Tabarru`* dan kesannya kepada perlindungan takaful anda pada masa akan datang.

**Manfaat-manfaat:**

| Akaun | Pelan | Tempoh Perlindungan (Tahun) | Amaun Manfaat (RM) | Sumbangan (RM) |
|---|---|---|---|---|
| **Akaun MaxiShield (MSA):** | BSN Takaful Makmur (Asas) | 15 | | 510.00 |
| | Tahun 1 hingga tahun ke-5 | | 300 | |
| | Tahun 6 hingga tahun ke-10 | | 600 | |
| | Tahun 11 hingga tahun ke-15 | | 900 | |
| | | | **Sumbangan MSA** | 510.00 |
| | | | **Caj Sijil *Wakalah*** | 5.00 |
| | | | **Jumlah Sumbangan Bulanan** | 515.00 |

**PENTING:**

**INI ADALAH PRODUK TAKAFUL YANG TERIKAT DENGAN PRESTASI ASET-ASET DAN BUKAN PRODUK PELABURAN PENUH SEPERTI UNIT AMANAH.**

# PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD
## Ilustrasi Produk untuk BSN Takaful Makmur

### A. RINGKASAN

Berikut adalah ringkasan bagi produk yang ditawarkan dan kos untuk anda menyertai produk ini. Ia juga menunjukkan pilihan yang perlu dipertimbangkan sebelum menyertai produk ini.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Nama Pengendali Takaful : | Prudential BSN Takaful Berhad | Nama Pelanggan : | Ali Bin Abu |
| Nama Produk : | BSN Takaful Makmur | Jantina : | Lelaki |
| Jenis Produk : | Takaful Keluarga Sumbangan Berkala dengan Pembayaran Terhad | Perokok : | Tidak |
| | | Umur : | 32 pada tarikh lahir akan datang |

Apakah yang perlu anda tahu? | Apakah yang perlu anda pertimbangkan? | Apakah yang perlu anda beri perhatian?

**Apakah yang ditawarkan oleh sijil ini?**

- Perlindungan kematian dan Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD).

**Pernahkah anda mempertimbangkan takaful keluarga bertempoh?**

- Takaful kelurga bertempoh menawarkan perlindungan terhadap kematian dan TPD dengan sumbangan yang lebih rendah.
- Anda boleh melaburkan baki sumbangan ke dalam simpanan/pelaburan lain sebagai alternatif.

| BSN Takaful Makmur | | Takaful Keluarga Bertempoh[1] |
|---|---|---|
| RM 6,180.00 X 3 tahun = RM 18,540 | **Bayaran Sumbangan**<br>Berapa yang perlu anda bayar | - |
| 15 Tahun | **Tempoh Perlindungan**<br>Berapa lama anda akan dilindungi | - |
| RM 918 | **Jumlah Komisen Langsung[2]**<br>Jumlah yang dibayar kepada pengantara daripada sumbangan anda | - |
| **BSN Takaful Makmur** | **Manfaat yang Dijamin**<br>Jumlah yang dijanjikan untuk dibayar | **Takaful Keluarga Bertempoh[1]** |
| Tahun 01 : RM 6,180<br>Tahun 05 : RM 18,267<br>Tahun 10 : RM 15,567<br>Tahun 15 : RM 11,367 | • Jika anda meninggal dunia atau mengalami TPD | - |
| Tahun 1 hingga Tahun 5 - RM 300<br>Tahun 6 hingga Tahun 10 - RM 600<br>Tahun 11 hingga Tahun 15 - RM 900 | • Bayaran Tunai Tahunan | - |
| RM 10,200 | • Ketika matang[3] | - |
| **BSN Takaful Makmur** | **Manfaat yang Tidak Dijamin**<br>Jumlah berikut mungkin atau mungkin tidak akan dibayar | **Takaful Keluarga Bertempoh[1]** |
| - | • Jumlah tunai yang diterima | - |
| Senario X : RM 8,023.00<br>Senario Y : RM 14,287.00 | • Ketika matang[3] | - |
| **BSN Takaful Makmur** | **Pulangan Tahunan Anda[4]**<br>[Keuntungan/kerugian bersih] jika berkuatkuasa sehingga matang | **Takaful Keluarga Bertempoh[1]** |
| 0.45% setahun | • Manfaat yang dijamin sahaja | - |

| | | |
|---|---|---|
| Senario X : 0.45% setahun<br>Senario Y : 2.09% setahun | • Jumlah manfaat (termasuk pembayaran yang tidak dijamin) | - |

[1] PruBSN tidak menawarkan pelan Takaful Keluarga Bertempoh di bawah saluran penasihat BSN.

[2] Komisen adalah kos yang diberikan secara langsung ke saluran pengedaran untuk pemasaran sijil ini, iaitu pembayaran kepada bank. Kos ini dibayar daripada caj yang dikenakan ke atas sijil anda untuk perkhidmatan yang akan diberikan oleh bank kepada anda sepanjang tempoh sijil anda. Komisen yang diilutrasikan sehingga Tempoh Pembayaran Sumbangan yang dipilih di atas termasuk komisen dan bonus yang perlu dibayar kepada bank. Bank mungkin berhak untuk mendapat bonus dengan syarat bank memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh PruBSN.

[3] Apabila sijil telah matang, Bayaran Matang yang lebih tinggi di antara yang berikut akan dibayar kepada anda:
(a) amaun Manfaat Matang Dijamin yang bersamaan dengan Jumlah Perlindungan Asas (Rujuk "Manfaat Yang Dijamin: Ketika matang" di atas), beserta nilai unit-unit di dalam IUA (jika ada); atau
(b) jumlah keseluruhan amaun di dalam MSA dan nilai unit-unit di dalam IUA (ika ada) (Rujuk "Manfaat Yang Tidak Dijamin: Ketika matang" di atas),

[4] Pulangan tahunan (keuntungan/kerugian bersih) adalah anggaran purata pulangan pelaburan ke atas manfaat kelangsungan hidup/simpanan yang anda akan peroleh semasa tempoh sijil sehingga sijil matang **berdasarkan sumbangan yang anda telah bayar**. Namun, pulangan tahunan sebenar untuk sijil anda hanya akan ditentukan apabila sijil anda matang.

Sekiranya anda sedang mencari sijil takaful dengan unsur simpanan, anda mungkin ingin membandingkan pulangan sijil ini dengan pulangan efektif pelaburan alternatif yang lain.

Anda mungkin hanya akan menerima jumlah yang dijamin untuk kelangsungan hidup/ serahan/ kematian/ TPD/ kematangan.

Suatu manfaat akan dianggap dijamin sekiranya Dana *Tabarru*` tidak dapat membayar tuntutan peserta-peserta, terdapat aturan yang dibuat oleh Pengendali Takaful untuk mengatasi masalah kekurangan di dalam Dana *Tabarru'* seperti *Qard* atau pemindahan langsung.

Sila rujuk Lampiran yang relevan untuk maklumat lebih lanjut mengenai manfaat-manfaat pelan asas dan rider (jika ada).

## B. JADUAL ILUSTRASI PEMASARAN

Jadual ini menunjukkan jumlah sumbangan yang akan anda bayar setiap tahun dan aliran tunai tahunan untuk sijil anda sehingga akhir Tempoh Perlindungan.

Berapakah yang anda akan bayar?

Apakah yang anda boleh tunaikan secara berkala?

| Akhir Tahun Sijil/ Umur | Sumbangan yang Dibayar Setiap Tahun (RM) | Manfaat Kelangsungan Hidup (RM) | | |
|---|---|---|---|---|
| | | Pembayaran Tunai Yang Dijamin Setiap Tahun | Pembayaran Tunai Yang Tidak Dijamin Setiap Tahun | |
| | | | Senario X | Senario Y |
| 1/33 | 6,180 | 300 | 0 | 0 |
| 2/34 | 6,180 | 300 | 0 | 0 |
| 3/35 | 6,180 | 300 | 0 | 0 |
| 4/36 | 0 | 300 | 0 | 0 |
| 5/37 | 0 | 300 | 0 | 0 |
| 6/38 | 0 | 600 | 0 | 0 |
| 7/39 | 0 | 600 | 0 | 0 |
| 8/40 | 0 | 600 | 0 | 0 |
| 9/41 | 0 | 600 | 0 | 0 |
| 10/42 | 0 | 600 | 0 | 0 |
| 11/43 | 0 | 900 | 0 | 0 |
| 12/44 | 0 | 900 | 0 | 0 |
| 13/45 | 0 | 900 | 0 | 0 |
| 14/46 | 0 | 900 | 0 | 0 |
| 15/47[1] | 0 | 900 | 0 | 0 |
| **Bayaran Tunai pada akhir Tempoh Perlindungan (ketika matang[1])** | | 900 | 0 | 0 |

[1] Bayaran Tunai ketika matang adalah Bayaran Tunai pada akhir Tahun Sijil yang terakhir. Selain daripada Bayaran Tunai ini, anda juga akan menerima Bayaran Matang pada tarikh matang seperti yang dinyatakan dalam Lampiran: Ringkasan Ilustrasi Jadual 3 - Ringkasan Ilustrasi untuk Bayaran Matang.

⚠ Anda mungkin akan menerima jumlah yang dijamin secara berkala sahaja.

ⓘ Sila rujuk nota pada halaman seterusnya untuk andaian yang digunakan dalam jadual ilustrasi.

# Bagaimana perbandingan manfaat-manfaat tersebut dengan jumlah sumbangan yang dibayar sehingga kini?

**Berapakah sumbangan yang akan anda bayar?**

**Berapakah yang dibayar kepada perantara?**

**Berapa yang akan anda terima sekiranya anda membatalkan sijil lebih awal?**

**Apa yang perlu dibayar apabila kematian?**

| Akhir Tahun Sijil/Umur | Jumlah Sumbangan yang Dibayar Sehingga Kini (RM) [merujuk kepada sumbangan terkumpul yang dibayar sejak permulaan sijil] | Jumlah Caj *Wakalah* (RM) | | Nilai Serahan (RM) | | | Manfaat Kematian (RM) | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Perbelanjaan Pengurusan [merujuk kepada perbelanjaan terkumpul yang akan dibayar sejak permulaan sijil] | Jumlah Komisen Langsung Sehingga Kini [merujuk kepada komisen terkumpul yang akan dibayar sejak permulaan sijil] | Dijamin | Tidak Dijamin [tidak termasuk jumlah manfaat yang dijamin dan sebarang manfaat kelangsungan hidup yang terdapat bersama pengendali takaful] | | Dijamin | Tidak Dijamin | |
| | | | | | Senario X | Senario Y | | Senario X | Senario Y |
| 1/33 | 6,180 | 1,452 | 383 | 0 | 4,077 | 4,142 | 6,180 | 0 | 0 |
| 2/34 | 12,360 | 2,599 | 673 | 0 | 8,625 | 8,875 | 12,060 | 0 | 0 |
| 3/35 | 18,540 | 3,234 | 918 | 0 | 13,811 | 14,389 | 18,867 | 0 | 0 |
| 4/36 | 18,540 | 3,234 | 918 | 0 | 13,738 | 14,724 | 18,567 | 0 | 0 |
| 5/37 | 18,540 | 3,234 | 918 | 0 | 13,663 | 15,074 | 18,267 | 0 | 0 |
| 6/38 | 18,540 | 3,234 | 918 | 0 | 13,287 | 15,141 | 17,967 | 0 | 0 |
| 7/39 | 18,540 | 3,234 | 918 | 0 | 12,905 | 15,212 | 17,367 | 0 | 0 |
| 8/40 | 18,540 | 3,234 | 918 | 0 | 12,515 | 15,286 | 16,767 | 0 | 0 |
| 9/41 | 18,540 | 3,234 | 918 | 0 | 12,118 | 15,365 | 16,167 | 0 | 0 |
| 10/42 | 18,540 | 3,234 | 918 | 0 | 11,714 | 15,449 | 15,567 | 0 | 424 |
| 11/43 | 18,540 | 3,234 | 918 | 0 | 11,002 | 15,237 | 14,967 | 0 | 1,111 |
| 12/44 | 18,540 | 3,234 | 918 | 0 | 10,277 | 15,014 | 14,067 | 0 | 1,790 |
| 13/45 | 18,540 | 3,234 | 918 | 0 | 9,539 | 14,782 | 13,167 | 0 | 2,459 |
| 14/46 | 18,540 | 3,234 | 918 | 0 | 8,788 | 14,540 | 12,267 | 0 | 3,117 |
| 15/47 | 18,540 | 3,234 | 918 | 0 | 8,023 | 14,287 | 11,367 | 0 | 3,765 |

**Disampaikan oleh** : Nur Izatul 91N00005
**Tarikh** : 23/10/2023
**Versi** : 1.0.272.0B

Anda mungkin hanya akan menerima amaun yang dijamin pada waktu serahan/kematian sahaja.

Jika anda membatalkan sijil **sebelum tempoh matang**, amaun yang akan anda terima adalah **kurang** daripada jumlah sumbangan yang telah anda bayar.

Jumlah Nilai Serahan Tunai Yang dibayar ialah jumlah Nilai Serahan Dijamin dan Tidak Dijamin yang diilustrasi; Jumlah Manfaat Kematian yang di dibayar ialah jumlah Manfaat Kematian Dijamin dan Tidak Dijamin yang diilustrasi.

Ilustrasi untuk manfaat-manfaat Tidak Dijamin terdiri daripada Nilai Tunai MSA, dan/atau IUA, mana yang berkenaan, yang telah disediakan berdasarkan dua senario pelaburan yang diandaikan.
a. Senario X = Mengandaikan akaun (MSA dan IUA) memperolehi 2% setiap tahun
b. Senario Y = Mengandaikan akaun (MSA dan IUA) memperolehi 5% setiap tahun

Kedua-dua kadar tersebut digunakan untuk tujuan ilustrasi sahaja bagi menunjukkan kebolehubahan manfaat yang tidak dijamin di bawah senario pelaburan yang berbeza dan TIDAK DIJAMIN. Kedua-dua kadar tersebut tidak mewakili had maksimum dan minimum bagi prestasi pelaburan dana peserta dan bukan pulangan yang diperoleh atas sumbangan sebenar yang dibayar untuk produk takaful keluarga.

Kadar pulangan pelaburan yang diperolehi iaitu prestasi MSA bagi tempoh lima tahun yang lepas adalah seperti berikut:-

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Tahun 2018 : 4.35% | Tahun 2019 : 4.80% | Tahun 2020 : 4.75% | Tahun 2021 : 1.35% | Tahun 2022 : 2.14% |

Bagi kadar pulangan pelaburan yang diperoleh iaitu prestasi IUA pada tahun-tahun sebelumnya, sila rujuk helaian fakta dana untuk dana pelaburan yang telah anda pilih. Helaian fakta dana mengandungi semua maklumat penting yang anda perlu tahu mengenai dana pelaburan tersebut.

Prestasi pelaburan bagi MSA dan IUA yang lepas bukan petunjuk kepada prestasi masa depan pelaburan tersebut. Ini adalah prestasi pelaburan semata-mata untuk MSA dan IUA, dan bukan pulangan yang diperoleh daripada sumbangan. Pulangan sebenar yang diperolehi atas sumbangan ketika matang/serahan akan lebih rendah disebabkan oleh kos takaful dan perbelanjaan.

Jumlah Caj *Wakalah* adalah jumlah yang diterima oleh bank dan PruBSN untuk pemasaran sijil dan perkhidmatan yang akan diberikan oleh bank dan PruBSN kepada anda sepanjang tempoh sijil anda.

# LAMPIRAN: RINGKASAN ILUSTRASI

Ringkasan ilustrasi di bawah adalah bertujuan untuk memberi gambaran kemungkinan aliran tunai bagi pelaburan dan kesan caj-caj ke atas nilai tunai berdasarkan ilustrasi di bawah. Ini menganggap semua bayaran dibayar pada masanya sebelum berakhir tempoh tangguh.

## Jadual 1 - Ringkasan Ilustrasi untuk Akaun MaxiShield (MSA)

- Sekiranya 0 ditunjukkan pada Nilai Tunai MSA di dalam ilustrasi di bawah, ini bermakna amaun di dalam MSA mungkin tidak mencukupi untuk menampung keseluruhan penolakan *Tabarru`* dan caj-caj.
- Walaubagaimanapun, sijil anda tidak akan luput kerana Peruntukan Tanpa Luput akan digunapakai. Peruntukan Tanpa Luput ini sah dengan syarat anda telah membayar semua sumbangan anda secara penuh di dalam tempoh tangguh dan ia boleh ditarik balik sekiranya terdapat kelewatan di dalam bayaran sumbangan anda.
- Setelah ditarik balik, sijil akan luput sekiranya amaun di dalam MSA tidak mencukupi untuk menampung keseluruhan penolakan *Tabarru`* dan caj-caj. Sebarang penolakan *Tabarru`* dan caj-caj yang tidak dibayar semasa tempoh Peruntukan Tanpa Luput berkuatkuasa akan dianggap sebagai amaun yang perlu dibayar semula kepada kami dan akan ditolak daripada Nilai Tunai sijil.

| Akhir Tahun Sijil | Umur | **Akaun MaxiShield (MSA)** | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | **Tidak Dijamin** | | | | | |
| | | | | | Senario X | | | Senario Y | | |
| | | Sumbangan MSA (RM) | Caj *Wakalah* Pendahuluan MSA[1] (RM) | Sumbangan yang Diperuntukkan untuk MSA (RM) | Jumlah Penolakan *Tabarru`* (RM) | Keuntungan Pelaburan MSA (RM) | Nilai Tunai MSA[2] (RM) | Jumlah Penolakan *Tabarru`* (RM) | Keuntungan Pelaburan MSA (RM) | Nilai Tunai MSA[2] (RM) |
| | | (a) | (b) | (c) | (d) | (e) | (f) | (g) | (h) | (i) |
| 1 | 33 | 6,120 | 1,775 | 4,345 | 9 | 41 | 4,077 | 9 | 105 | 4,142 |
| 2 | 34 | 6,120 | 1,377 | 4,743 | 11 | 115 | 8,625 | 11 | 301 | 8,875 |
| 3 | 35 | 6,120 | 820 | 5,300 | 13 | 200 | 13,811 | 13 | 527 | 14,389 |
| 4 | 36 | 0 | 0 | 0 | 14 | 240 | 13,738 | 13 | 647 | 14,724 |
| 5 | 37 | 0 | 0 | 0 | 13 | 239 | 13,663 | 12 | 662 | 15,074 |
| 6 | 38 | 0 | 0 | 0 | 13 | 237 | 13,287 | 11 | 678 | 15,141 |
| 7 | 39 | 0 | 0 | 0 | 14 | 231 | 12,905 | 10 | 681 | 15,212 |
| 8 | 40 | 0 | 0 | 0 | 14 | 224 | 12,515 | 10 | 684 | 15,286 |
| 9 | 41 | 0 | 0 | 0 | 14 | 217 | 12,118 | 8 | 687 | 15,365 |
| 10 | 42 | 0 | 0 | 0 | 15 | 211 | 11,714 | 7 | 691 | 15,449 |
| 11 | 43 | 0 | 0 | 0 | 15 | 204 | 11,002 | 7 | 695 | 15,237 |
| 12 | 44 | 0 | 0 | 0 | 16 | 191 | 10,277 | 7 | 685 | 15,014 |
| 13 | 45 | 0 | 0 | 0 | 16 | 179 | 9,539 | 7 | 675 | 14,782 |
| 14 | 46 | 0 | 0 | 0 | 17 | 166 | 8,788 | 7 | 665 | 14,540 |
| 15 | 47 | 0 | 0 | 0 | 18 | 153 | 8,023 | 7 | 654 | 14,287 |

[1] *Ini adalah caj yang dikenakan ke atas sumbangan anda dan digunakan untuk memenuhi komisen langsung dan perbelanjaan yang ditanggung oleh PruBSN.*
[2] *Nilai Tunai MSA menganggap Bayaran Tunai Tahunan untuk tahun tersebut telah dibayar.*

# Jadual 2 - Ringkasan Ilustrasi untuk Akaun Unit Pelaburan (IUA)

| Akhir Tahun Sijil | Umur | Akaun Unit Pelaburan (IUA) | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | Tidak Dijamin | | | |
| | | Sumbangan IUA (RM) | Caj *Wakalah* Pendahuluan IUA[3] (RM) | Sumbangan yang Diperuntukkan untuk IUA (RM) | Senario X Pulangan Pelaburan yang Diunjurkan | | Senario Y Pulangan Pelaburan yang Diunjurkan | |
| | | | | | Caj *Wakalah* Pengurusan Aset (RM) | Nilai Tunai IUA (RM) | Caj *Wakalah* Pengurusan Aset (RM) | Nilai Tunai IUA (RM) |
| | | (j) | (k) | (l) | (m) | (n) | (o) | (p) |
| 1 | 33 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 2 | 34 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 3 | 35 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 4 | 36 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 5 | 37 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 6 | 38 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 7 | 39 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 8 | 40 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 9 | 41 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 10 | 42 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 11 | 43 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 12 | 44 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 13 | 45 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 14 | 46 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 15 | 47 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |

[3] *Ini adalah caj yang dikenakan ke atas sumbangan anda dan digunakan untuk memenuhi komisen langsung dan perbelanjaan yang ditanggung oleh PruBSN.*

# Jadual 3 - Ringkasan Ilustrasi untuk Bayaran Matang

| Jumlah Sumbangan yang Dibayar (RM) | Manfaat Matang (RM) (i) | Nilai Tunai MSA apabila Matang (RM) (ii) | | Nilai Tunai IUA apabila Matang (RM) (iii) | | Jumlah Bayaran apabila Matang (RM) Yang lebih tinggi di antara (i)+(iii) atau (ii)+(iii) | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Senario X | Senario Y | Senario X | Senario Y | Senario X | Senario Y |
| 18,540 | 10,200 | 8,023 | 14,287 | 0 | 0 | 10,200 | 14,287 |

***Nota:*** *Manfaat Matang hanya akan dibayar sekiranya anda telah membayar semua sumbangan anda secara penuh di dalam Tempoh Tangguh untuk bayaran sumbangan. Sekiranya syarat ini tidak dipenuhi, PruBSN hanya akan membayar Nilai Tunai di dalam MSA dan IUA (jika ada) apabila sijil matang.*

# Jadual 4 - Pecahan Penolakan *Tabarru`*

| Akhir Tahun Sijil | Penolakan *Tabarru`* untuk Pelan Asas (Senario X) (RM) | Penolakan *Tabarru`* untuk Pelan Asas (Senario Y) (RM) |
|---|---|---|
| 1 | 9 | 9 |
| 2 | 11 | 11 |
| 3 | 13 | 13 |
| 4 | 14 | 13 |
| 5 | 13 | 12 |
| 6 | 13 | 11 |
| 7 | 14 | 10 |
| 8 | 14 | 10 |
| 9 | 14 | 8 |
| 10 | 15 | 7 |
| 11 | 15 | 7 |
| 12 | 16 | 7 |
| 13 | 16 | 7 |
| 14 | 17 | 7 |
| 15 | 18 | 7 |

**Lampiran: Nota Penting**

- BSN Takaful Makmur adalah suatu produk patuh Syariah. Sila rujuk dokumen sijil untuk maklumat lanjut.
- PruBSN percaya bahawa adalah penting untuk anda memahami sepenuhnya semua manfaat-manfaat di bawah sijil anda dan anda faham bagaimana kos perlindungan takaful, pengedaran, pengurusan, pelaburan dan kos-kos lain akan mempengaruhi manfaat-manfaat ini.
- Anda harus berpuas hati bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dan anda mampu untuk membayar sumbangannya. Anda harus pastikan bahawa peruntukan daripada sumbangan takaful anda bagi perlindungan dan pelaburan memenuhi kehendak kewangan anda. Sekiranya anda memerlukan penjelasan, sila hubungi wakil bank anda.
- Sumbangan yang anda bayar menyumbang kepada kedua-dua elemen simpanan dan perlindungan bagi produk ini, seperti manfaat kematian. Jika anda mencari produk kewangan dengan elemen simpanan, anda boleh membandingkan pulangan tahunan bagi sijil takaful ini dengan pulangan efektif bagi alternatif pelaburan yang lain.
- Menyertai sijil takaful sumbangan berkala memerlukan komitmen kewangan untuk jangka masa yang panjang. Adalah tidak digalakkan untuk mengambil sijil ini bagi jangka masa yang pendek memandangkan kos permulaannya yang tinggi.
- Sekiranya anda berhenti membuat pembayaran sumbangan secara tetap, sijil ini akan terus berkuatkuasa selagi terdapat baki yang mencukupi di dalam MSA anda untuk menampung keseluruhan penolakan *Tabarru`*, Bayaran Tunai Tahunan dan caj-caj *Wakalah* di bawah sijil. Sijil anda akan ditamatkan sebaik sahaja MSA telah habis walaupun mempunyai baki nilai unit-unit di dalam IUA anda. Selepas penamatan sijil, PruBSN akan membayar nilai unit-unit di dalam IUA (jika ada) kepada anda dan semua manfaat-manfaat di bawah sijil akan terhenti. Walaubagaimanapun, sijil anda tidak akan ditamatkan sekiranya anda telah membayar semua sumbangan anda secara penuh di dalam Tempoh Tangguh bayaran sumbangan.
- Umur merujuk kepada umur pada tarikh lahir akan datang.
- Nombor-nombor yang diilustrasi di dalam Ilustrasi Produk adalah dibundarkan ke Ringgit yang terhampir.
- Pulangan pelaburan yang diunjurkan yang digunakan di sini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak bermaksud untuk menunjukkan kemungkinan pulangan bagi dana pelaburan yang telah anda pilih. Ianya tidak dijamin dan bukan berdasarkan kepada prestasi masa lalu. Kadar Unjuran Pulangan Pelaburan yang digunakan seperti berikut:

**Keuntungan Pelaburan untuk Senario X dan Senario Y yang digunakan untuk Akaun MaxiShield (MSA) bagi menunjukkan kemungkinan pulangan seperti berikut:**

| Keuntungan Pelaburan Akaun MaxiShield (MSA) yang Diunjurkan | Kasar |
|---|---|
| Senario X | 2.00% |
| Senario Y | 5.00% |

**Pulangan pelaburan untuk Senario X dan Senario Y seperti yang dinyatakan di bawah telah digunakan untuk Akaun Unit Pelaburan (IUA) bagi menunjukkan kemungkinan pulangan bagi setiap dana-dana berikut:**

| Dana Pelaburan | Kadar Pulangan Pelaburan yang Diunjurkan bagi Akaun Unit Pelaburan (IUA) | | |
|---|---|---|---|
| | Senario X | Senario Y | |
| | Semua Tahun | 20 tahun pertama | Selepas 20 tahun |
| Takafulink Dana Urus | 2.0% | 5.0% | 5.0% |
| Takafulink Dana Sukuk | 2.0% | 5.0% | 5.0% |
| Takafulink Dana Ekuiti Plus | 2.0% | 5.0% | 5.0% |
| Takafulink Dana Ekuiti Income | 2.0% | 5.0% | 5.0% |
| Takafulink Dana Ekuiti Dinasti | 2.0% | 5.0% | 5.0% |
| Takafulink Dana Ekuiti Global | 2.0% | 5.0% | 5.0% |
| Takafulink Dana Dinamik | 2.0% | 5.0% | 5.0% |
| Takafulink Dana Aktif | 2.0% | 5.0% | 5.0% |

Sila rujuk helaian fakta dana untuk mendapatkan pulangan pelaburan tahunan sebenar bagi tahun-tahun yang lalu untuk dana(-dana) yang dipilih.

- Pulangan sebenar mungkin akan turun atau naik setiap tahun bergantung kepada prestasi aset di mana dana dilaburkan. Terdapat kemungkinan pulangan sebenar adalah lebih rendah daripada kadar yang diunjurkan atau negatif.

## Lampiran: Definisi Ilustrasi Produk

### Jumlah Sumbangan

- Ini adalah amaun yang anda bayar bagi setiap tahun sijil yang tertentu. Jumlah Sumbangan terdiri daripada Caj Sijil *Wakalah*, Sumbangan MSA dan Sumbangan IUA (jika ada).
- Sila ambil perhatian bahawa tidak semua amaun yang anda bayar akan diperuntukkan ke dalam akaun-akaun. Sila rujuk penjelasan mengenai Sumbangan yang Diperuntukkan dan Sumbangan yang Tidak Diperuntukkan untuk maklumat lanjut.
- Sila ambil perhatian bahawa amaun sumbangan bagi setiap tahun adalah tidak dijamin dan mungkin diubah dengan memberi notis bertulis 90 hari lebih awal kepada para peserta. Anda mungkin perlu membayar sumbangan tambahan walaupun selepas tempoh pembayaran sumbangan sekiranya terdapat sebarang kenaikan pada kadar penolakan *Tabarru`* dan/atau caj-caj.

### Sumbangan MSA

- Sebahagian daripada sumbangan pelan asas bersama sumbangan rider (jika ada) yang akan diperuntukkan ke dalam MSA berdasarkan kadar peruntukan setelah Caj *Wakalah* Pendahuluan ditolak.
- Sumbangan ini akan digunakan untuk perlindungan takaful dan pembayaran Manfaat Bayaran Tunai Tahunan dan Manfaat Matang.

### Sumbangan IUA

- Sumbangan daripada Takaful Saver, setelah Caj *Wakalah* Pendahuluan ditolak akan diperuntukkan ke dalam IUA berdasarkan kadar peruntukan dan dilaburkan ke dalam dana-dana pelaburan terpilih.
- Takaful Saver tidak menawarkan sebarang perlindungan takaful kepada anda.

### Caj Sijil *Wakalah*

- Caj Sijil *Wakalah* adalah bahagian daripada Jumlah Sumbangan anda yang digunakan untuk menampung perbelanjaan pengurusan sijil.
- Caj Sijil *Wakalah* sebanyak RM 5.00 akan dilevi secara Bulanan.

### Bayaran Tunai Tahunan (dinyatakan sebagai Bayaran Tunai Dijamin di bawah Jaduan Ilustrasi Pemasaran)

- Ini adalah amaun yang anda layak untuk terima pada akhir setiap tahun sijil bermula dari akhir tahun sijil yang pertama, dengan syarat bahawa sijil tersebut masih lagi berkuatkuasa.
- Bayaran Tunai Tahunan akan dibayar daripada MSA di mana nilai akaun tersebut akan berkurang mengikut amaun yang dibayar.
- Sekiranya amaun di dalam MSA tidak mencukupi untuk membayar Bayaran Tunai Tahunan, Dana *Tabarru`* akan menampung amaun yang tidak mencukupi itu dengan syarat anda telah membayar semua sumbangan anda secara penuh di dalam Tempoh Tangguh untuk bayaran sumbangan.
- Anda boleh memilih untuk Bayaran Tunai Tahunan anda didepositkan ke dalam akaun bank yang anda pilih atau untuk dilaburkan semula di dalam IUA untuk potensi pulangan pelaburan. Pilihan anda untuk Bayaran Tunai Tahunan adalah - Pengumpulan di dalam IUA. Amaun Bayaran Tunai Tahunan akan dilaburkan di dalam IUA sekiranya anda memilih untuk melaburkan semula Bayaran Tunai Tahunan anda. Pulangannya adalah berdasarkan prestasi sebenar dana yang dipilih yang mana ianya tidak dijamin dan terdapat kemungkinan anda akan mendapat amaun yang lebih rendah daripada apa yang telah dilaburkan ke dalam dana.

**Manfaat Kematian yang Dijamin**

- Ini adalah amaun minimum yang akan diterima apabila berlaku Kematian atau Hilang Upaya Kekal Dan Menyeluruh. Manfaat ini hanya sah selagi sijil masih lagi berkuatkuasa.
- Sekiranya Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh berlaku sebelum tarikh sijil matang atau tarikh ulang tahun sijil di mana Orang yang Dilindungi mencapai umur 70 pada tarikh lahir akan datang, yang mana berlaku lebih awal, amaun Manfaat Kematian yang Dijamin akan dibayar.
- Manfaat Kematian adalah dijamin kerana sekiranya berlaku kekurangan di dalam Dana *Tabarru`*, kami akan menampung defisit tersebut melalui suatu pinjaman tanpa faedah (*Qard*).
- Manfaat Kematian yang Dijamin di dalam Jadual Ilustrasi Pemasaran adalah diilustrasi secara tahunan tetapi Manfaat Kematian yang Dijamin sebenar akan berubah secara bulanan.

**Jumlah Manfaat Kematian**

- ini adalah amaun yang akan dibayar sekiranya Orang yang Dilindungi meninggal dunia semasa sijil masih lagi berkuatkuasa.
- Jumlah Manfaat Kematian adalah bersamaan dengan amaun yang lebih tinggi di antara:
  (a) Manfaat Kematian yang Dijamin ditolak sebarang sumbangan asas tertunggak; ATAU
  (b) amaun di dalam MSA;
  berserta nilai unit-unit di dalam IUA (jika ada).

**Jumlah Nilai Tunai Serahan Yang Tidak Dijamin**

- Ini adalah nilai yang diunjurkan setelah ditolak cukai dan caj-caj berkenaan bagi amaun di dalam MSA dan nilai unit-unit di dalam IUA (jika ada) pada masa-masa yang tertentu yang anda mungkin akan terima sekiranya anda membuat serahan sijil dan bersih daripada cukai dan semua caj yang dikenakan.
- Sekiranya sijil ditamatkan awal, terdapat kemungkinan anda akan mendapat amaun yang lebih rendah daripada apa yang telah anda bayar.

**Sumbangan yang Tidak Diperuntukkan (Caj *Wakalah* Pendahuluan)**

- Caj sumbangan yang tidak diperuntukkan merupakan suatu Caj *Wakalah* Pendahuluan terhadap sumbangan yang dibayar dan digunakan untuk menampung perbelanjaan kami serta komisen langsung iaitu komisen dan bonus yang dibayar kepada bank.
- Sumbangan yang tidak diperuntukkan bagi sijil takaful keluarga ini berserta kadarannya adalah seperti berikut (sebagai amaun di dalam RM dan % daripada sumbangan) :

| **Tahun Sijil** | | **1** | **2** | **3** |
|---|---|---|---|---|
| **Sumbangan MSA (RM)** | | 6,120.00 | 6,120.00 | 6,120.00 |
| **Sumbangan yang Tidak Diperuntukkan** | **%** | 29.00 | 22.50 | 13.40 |
| | **RM** | 1,775.00 | 1,377.00 | 820.00 |
| **Sumbangan IUA (RM); jika ada** | | 0.00 | 0.00 | 0.00 |
| **Sumbangan yang Tidak Diperuntukkan** | **%** | 0.00 | 0.00 | 0.00 |
| | **RM** | 0.00 | 0.00 | 0.00 |

**Sumbangan yang Diperuntukkan**

- Ini adalah amaun yang akan digunakan untuk pelaburan di dalam MSA dan untuk membeli unit-unit di dalam IUA (jika ada).
- Sumbangan yang diperuntukkan bagi sijil takaful keluarga ini berserta kadarannya adalah seperti berikut (sebagai amaun di dalam RM dan % daripada sumbangan):

| **Tahun Sijil** | | **1** | **2** | **3** |
|---|---|---|---|---|
| **Sumbangan MSA (RM)** | | 6,120.00 | 6,120.00 | 6,120.00 |
| **Sumbangan yang Diperuntukkan** | **%** | 71.00 | 77.50 | 86.60 |
| | **RM** | 4,345.00 | 4,743.00 | 5,300.00 |
| **Sumbangan IUA (RM); jika ada** | | 0.00 | 0.00 | 0.00 |
| **Sumbangan yang Diperuntukkan** | **%** | 0.00 | 0.00 | 0.00 |
| | **RM** | 0.00 | 0.00 | 0.00 |

**Jumlah Penolakan *Tabarru`***

- *Tabarru`* akan ditolak daripada MSA anda.
- Penolakan *Tabarru`* di atas diilustrasi menggunakan kadar yang terkini. Kadar penolakan *Tabarru`* adalah tidak dijamin dan mungkin berubah dengan memberi notis bertulis 90 hari lebih awal kepada para peserta.
- *Tabarru`* akan ditolak setiap bulan daripada amaun di dalam MSA anda untuk membayar perlindungan takaful anda. Kadar penolakan *Tabarru`* adalah berbeza mengikut umur pada tarikh lahir akan datang, jantina, tempoh pembayaran sumbangan, status merokok, tarifan perubatan dan jumlah risiko. Kadar *Tabarru`* akan meningkat semasa Orang yang Dilindungi bertambah tua.
- Jumlah risiko merujuk kepada amaun di mana Jadual Manfaat Kematian melebihi nilai tunai di dalam MSA anda. Sekiranya nilai tunai di dalam MSA anda adalah lebih tinggi daripada Jadual Manfaat Kematian, maka jumlah risiko adalah sifar dan *Tabarru`* tidak akan ditolak.

**Keuntungan Pelaburan MSA**

- Anda akan menerima semua keuntungan pelaburan daripada MSA anda yang mana ia akan disimpan di dalam MSA anda sehinggalah sijil matang atau sijil ditamatkan.
- Keuntungan pelaburan yang ditunjukkan di sini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan adalah TIDAK DIJAMIN. Pulangan sebenar mungkin lebih rendah daripada kadar yang diunjurkan atau negatif. Keuntungan pelaburan sebenar yang diisytiharkan mungkin lebih tinggi atau lebih rendah bergantung kepada hasil operasi dan pelaburan yang kami alami.

**Nilai Tunai MSA**

- Nilai Tunai MSA memberi gambaran nilai tunai yang terkumpul berdasarkan strategi pelaburan bagi pelan jenis ini, amalan semasa kami dan penilaian mengenai pengalaman masa hadapan untuk senario keuntungan pelaburan bagi Senario X dan Senario Y.
- Nilai tunai yang terkumpul mungkin lebih rendah daripada jumlah keseluruhan sumbangan yang telah dibayar ke dalam MSA bergantung kepada prestasi sebenar dana.
- Prestasi sebenar yang pada tahun-tahun yang lalu bukanlah penunjuk kepada prestasi pada masa hadapan memandangkan mungkin terdapat perbezaan pada kadar keuntungan pelaburan.
- Risiko pelaburan akan ditanggung sepenuhnya oleh anda dan terdapat kemungkinan nilai tunai yang terkumpul mungkin lebih rendah daripada jumlah keseluruhan sumbangan yang telah anda bayar.

**Nilai Tunai IUA**

- Ini adalah nilai yang diunjurkan bagi IUA pada masa-masa yang tertentu. Sekiranya sijil ditamatkan lebih awal, anda mungkin akan mendapat amaun yang lebih rendah daripada jumlah keseluruhan sumbangan yang telah anda bayar.
- Risiko pelaburan akan ditanggung sepenuhnya oleh anda dan terdapat kemungkinan nilai tunai yang terkumpul mungkin lebih rendah daripada jumlah keseluruhan sumbangan yang telah anda bayar.

**Caj *Wakalah* Pengurusan Aset**

- Ini merujuk kepada bayaran pengurusan tahunan (% daripada dana pelaburan) yang ditolak untuk menampung kos pengurusan dana-dana pelaburan bagi IUA (jika ada). Ia akan ditolak setiap hari berdasarkan nilai di dalam akaun anda dan mengikut kadar yang berikut:

| | |
|---|---|
| Takafulink Dana Sukuk | 0.50% setahun daripada aset-aset dana |
| Takafulink Dana Urus | 1.30% setahun daripada aset-aset dana |
| Takafulink Dana Ekuiti Plus | 1.50% setahun daripada aset-aset dana |
| Takafulink Dana Ekuiti Income | 1.50% setahun daripada aset-aset dana |
| Takafulink Dana Ekuiti Dinasti | 1.50% setahun daripada aset-aset dana |
| Takafulink Dana Ekuiti Global | 1.50% setahun daripada aset-aset dana |
| Takafulink Dana Dinamik | 1.25% setahun daripada aset-aset dana |
| Takafulink Dana Aktif | 1.50% setahun daripada aset-aset dana |

**Nama produk** : BSN Takaful Makmur
**Jenis produk** : Pelan Sumbangan Berkala dengan Pembayaran Terhad
**Sumbangan tahunan** : RM 6,180.00

**JADUAL KOMISEN UNTUK AKAUN MAXISHIELD (MSA), AKAUN UNIT PELABURAN (IUA) DAN CAJ-CAJ LAIN**

| Akhir Tahun Sijil | Sumbangan yang Dibayar Termasuk Caj Sijil *Wakalah* (RM) | Sumbangan yang Diperuntukkan kepada Pemegang Sijil (Bahagian sumbangan MSA yang akan digunakan untuk penolakan *Tabarru`* dan bahagian sumbangan IUA yang akan digunakan untuk membeli unit-unit pelaburan) | | Komisen yang Dibayar (sebahagian daripada Caj *Wakalah* Pendahuluan untuk MSA dan IUA / sumbangan yang tidak diperuntukkan) | | Caj *Wakalah* Pendahuluan / Jumlah Sumbangan yang Tidak Diperuntukkan (Jumlah sumbangan yang akan digunakan untuk pembayaran komisen, Caj Sijil *Wakalah* dan perbelanjaan-perbelanjaan lain) | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Peratusan daripada Sumbangan yang Dibayar (%) | Amaun Sebenar (RM) | Peratusan daripada Sumbangan yang Dibayar (%) | Amaun Sebenar (RM) | Peratusan daripada Sumbangan yang Dibayar | Amaun Sebenar (RM) |
| 1 | 6,180 | 70.31 | 4,345 | 6.20 | 383 | 29.69 | 1,835 |
| 2 | 6,180 | 76.75 | 4,743 | 4.71 | 291 | 23.25 | 1,437 |
| 3 | 6,180 | 85.76 | 5,300 | 3.96 | 245 | 14.24 | 880 |
| Jumlah | 18,540 | 77.61 | 14,388 | 4.96 | 919 | 22.39 | 4,152 |

- Ilustrasi di atas adalah untuk suatu produk takaful keluarga dengan tempoh pembayaran sumbangan selama 3 tahun dan sumbangan tahunan sebanyak RM 6,180.00.
- Ilustrasi ini mengambil kira sumbangan ke dalam MSA dan IUA (jika ada). Bahagian IUA akan diperuntukkan untuk mewujudkan unit-unit di dalam dana Takafulink. Daripada 5% Caj *Wakalah* Pendahuluan yang ditolak daripada sumbangan IUA, 3.75% akan digunakan untuk pembayaran komisen. Sila rujuk "Definisi Ilustrasi Ringkasan" untuk pecahan sumbangan yang diperuntukkan dan yang tidak diperuntukkan bagi MSA dan IUA.
- Sekiranya anda membuat serahan ke atas sijil anda semasa tahun yang ke 3 ,anda akan menerima pelaburan anda di dalam IUA (jika ada) berserta baki di dalam MSA berdasarkan amaun RM 14,388.00 selepas penolakan caj-caj dan bukan berdasarkan jumlah keseluruhan sumbangan yang telah anda bayar sebanyak RM 18,540.00. Walaubagaimanapun, anda akan mendapat manfaat perlindungan takaful memandangkan sebahagian daripada caj-caj yang ditolak adalah digunakan untuk memberi anda perlindungan takaful keluarga dan bayaran tunai semasa tempoh sijil.
- Contoh caj-caj ini termasuklah Caj Sijil *Wakalah* dan *Tabarru`* yang yang perlu ditolak daripada sumbangan yang diperuntukkan sebelum unit-unit pelaburan dapat dibeli. Caj-caj ini sudah termaktub di dalam Ilustrasi Produk ini dan di dalam dokumen sijil.
- Anda dinasihatkan supaya membaca dan memahami Ilustrasi Produk dan dokumen sijil mengenai produk yang anda sertai terutamanya berkenaan struktur pelan, manfaat-manfaat yang diberikan, kadar sumbangan dan semua caj-caj yang berkaitan dengan produk takaful tersebut.
- Komisen adalah kos yang berkaitan dengan saluran pengedaran untuk pemasaran sijil ini yang merujuk kepada pembayaran kepada bank. Kos ini akan dibayar daripada caj-caj yang dikenakan ke atas sijil anda bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang akan diberikan kepada anda oleh bank sepanjang tempoh sijil. Jadual komisen di atas adalah sehingga Tempoh Pembayaran Sumbangan yang termasuk komisen dan bonus yang dibayar kepada bank. Bank mungkin berhak untuk mendapat bonus dengan syarat bank memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh PruBSN.

# Pengakuan

Saya dengan ini mengaku bahawa pendedahan mengenai komisen dan caj-caj / perbelanjaan untuk BSN Takaful Makmur telah diberikan kepada saya dan ciri-ciri produk takaful keluarga dengan elemen berkaitan pelaburan (jika ada) ini termasuk kadar peruntukkan, komisen dan perbelanjaan telah diterangkan dengan jelas kepada saya.

| Nama Peserta | No. KP | Tandatangan | Tarikh |
|---|---|---|---|

# Lampiran: Manfaat Kematian dan Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh

BSN Takaful Makmur

## Penerangan Pelan & Manfaat-manfaat

BSN Takaful Makmur adalah pelan Takaful Keluarga bertempoh dengan sumbangan berkala dengan pembayaran terhad. Sekiranya berlaku Kematian atau Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh semasa sijil masih lagi berkuatkuasa, kami akan membayar amaun yang mana lebih tinggi:

(a) Manfaat Kematian yang Dijamin ditolak sebarang sumbangan asas tertunggak; ATAU
(b) jumlah amaun di dalam MSA;
berserta nilai unit-unit di dalam IUA (jika ada), selepas ditolak sebarang hutang.

Manfaat Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh akan dibayar sekiranya Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh berlaku sebelum tarikh sijil matang atau tarikh ulang tahun sijil di mana Orang yang Dilindungi mencapai umur 70 pada tarikh lahir akan datang, yang mana berlaku lebih awal. Selepas Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal telah dibayar, sijil akan ditamatkan dan semua manfaat akan dihentikan.

Sekiranya sijil ditamatkan disebabkan serahan, amaun yang tinggal di dalam MSA (jika ada) dan nilai unit-unit di dalam IUA (jika ada) akan dibayar. Sementara itu, sekiranya sijil ditamatkan disebabkan luput, baki nilai unit-unit di dalam IUA (jika ada) sahaja akan dibayar. Kesemua manfaat akan terhenti selepas sijil ditamatkan.

Syarat-syarat:

### Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh

Sekiranya Orang yang Dilindungi mengalami Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh berlaku semasa tarikh sijil matang atau sebelum tarikh ulang tahun sijil di mana Orang yang Dilindungi mencapai umur 70 pada tarikh lahir akan datang, yang mana lebih awal, jumlah amaun keseluruhan sehingga RM 1 juta akan dibayar di bawah semua sijil dengan PruBSN bagi setiap orang. Sebarang lebihan kepada amaun tersebut akan dibayar pada ulang tahun berlakunya hilang upaya tertakluk pada bukti hilang upaya yang berterusan. Walau bagaimanapun, sekiranya kematian berlaku sebelum tiba ulang tahun berlakunya hilang upaya tersebut, lebihan kepada amaun tersebut akan dibayar serta-merta.

Takrifan Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh adalah seperti berikut:

- Untuk umur di bawah 16 tahun, Orang yang Dilindungi mengalami kemalangan atau penyakit yang secara langsung menyebabkan Orang yang Dilindungi memerlukan penjagaan dan perhatian sepanjang masa serta perlu tinggal di rumah di bawah pengawasan perubatan atau di hospital atau institusi lain yang setara dengannya.
- Untuk umur 16 tahun hingga 60 tahun, Orang yang Dilindungi secara berkekalan menjadi langsung tidak berupaya untuk melakukan sebarang pekerjaan dan sebarang tugas yang membolehkannya untuk mendapat upah atau keuntungan.
- Untuk umur 61 tahun dan di bawah umur 70 tahun, Orang yang Dilindungi menerima pengesahan daripada seorang pakar perubatan mengenai hilangnya keupayaan untuk hidup berdikari yang menyebabkan kehilangan upaya secara kekal untuk melakukan sekurang-kurangnya 3 daripada Aktiviti Kehidupan Harian yang disenaraikan di bawah sama ada dengan atau tanpa penggunaan alatan mekanikal, alatan khas atau sebarang alatan bantuan yang digunakan oleh orang kurang upaya.

  Aktiviti Kehidupan Harian adalah:
  (a) Peralihan
  (b) Berpakaian
  (c) Pergerakan
  (d) Mandi/Membasuh
  (e) Makan
  (f) Membuang air/Penggunaan tandas
- Hilang upaya yang berikut juga akan diambil kira sebagai memenuhi definisi Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh tanpa mengira usia:
  (a) hilang penglihatan pada kedua-dua belah mata secara kekal dan tidak boleh dipulihkan; atau
  (b) hilang dua anggota badan pada atau di atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki secara kekal dan tidak boleh dipulihkan; atau
  (c) hilang penglihatan pada sebelah mata dan hilang satu anggota badan pada atau di atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki secara kekal dan tidak boleh dipulihkan.

Untuk semua kes, hilang upaya tersebut haruslah kekal dan telah berlanjutan untuk tempoh sekurang-kurangnya 6 bulan secara berterusan.

Bagi tujuan manfaat ini, perkataan "kekal" bermaksud tiada langsung harapan untuk sembuh menggunakan teknologi dan pengetahuan perubatan semasa.

## Pengecualian

### Kematian

Kami tidak akan membayar Manfaat Kematian sekiranya ia disebabkan oleh bunuh diri semasa waras atau tidak waras dalam tempoh satu tahun dari tarikh penguatkuasaan sijil atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana kemudian. Sebaliknya, kami hanya akan membayar amaun di dalam MSA dan nilai unit-unit di dalam IUA (jika ada).
Jika ibu bapa atau pasangan Orang yang Dilindungi membunuh diri dalam tahun sijil yang pertama dari tarikh kuat kuasa sijil atau tarikh sijil dihidupkan semula, tiada faedah akan dibayar.

### Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh

Kami tidak akan membayar sebarang manfaat sekiranya hilang upaya adalah berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan salah satu daripada yang di bawah. Sebaliknya, kami hanya akan membayar amaun di dalam MSA dan nilai unit-unit di dalam IUA (jika ada).

- Cubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan ke atas diri sendiri semasa siuman atau tidak siuman.
- Melakukan kesalahan jenayah atau cubaan untuk melakukan kesalahan jenayah.
- Penyalahgunaan dadah atau ubatan perangsang termasuk sebarang kesan sampingan yang berpunca daripada penyalahgunaan tersebut.
- Peperangan atau perbuatan-perbuatan agresif seperti penaklukan, tindakan daripada negara-negara asing, tindakan daripada musuh (sama ada peperangan telah diisytiharkan atau tidak), perang saudara, kebangkitan, revolusi, rusuhan, campur tangan daripada tentera atau rampasan kuasa.
- Menyertai sukan profesional, selaman scuba, apa jua bentuk perlumbaan, penerbangan udara selain daripada sebagai seorang anak kapal atau penumpang yang membayar tambang di dalam pesawat pembawa penumpang komersil yang berlesen dan beroperasi mengikut laluan biasa yang telah dijadualkan atau sebarang aktiviti atau sukan yang berbahaya (termasuklah terjunan bungee, geluncur udara, belon udara, payung terjun dan terjunan udara) melainkan telah mendapat persetujuan daripada kami terlebih dahulu melalui endorsan khas.

***Nota:*** *Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen sijil untuk senarai penuh pengecualian-pengecualian di bawah sijil ini.*

## Syarat-syarat Sijil yang Lain

### Kadar *Tabarru*` yang Tidak Dijamin

Kadar *Tabarru*` adalah tidak dijamin. Kami boleh menyemak semula kadar *Tabarru*` pada ulang tahun sijil dengan memberi notis bertulis 90 hari lebih awal.

# Lampiran: Manfaat Kematian Akibat Kemalangan

## Keterangan Pelan & Manfaat-manfaat

Selain daripada Manfaat Kematian, Manfaat Kematian Akibat Kemalangan akan membayar 100% tambahan daripada Jumlah Perlindungan Asas jika kematian disebabkan kemalangan sebelum tarikh luput sijil atau tarikh ulang tahun sijil Orang yang Dilindungi umur 70 pada hari jadi akan datang, yang mana lebih awal.

Sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan semasa Orang Yang Dilindungi berumur di bawah 19 tahun hari lahir berikutnya, Manfaat Kematian Akibat Kemalangan yang perlu dibayar akan tertakluk kepada maksimum RM 2 juta seumur hidup.

## Pengecualian-pengecualian

Tiada sebarang Manfaat Kematian Akibat Kemalangan akan dibayar jika disebabkan oleh:

a) peperangan, penaklukan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, kuasa ketenteraan atau rampasan kuasa, pembabitan secara langsung dalam rusuhan, mogok atau kekacauan awam; atau
b) pelanggaran atau cubaan melanggar undang-undang atau menentang penahanan; atau
c) cubaan membunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan dalam keadaan siuman atau tidak siuman; atau
d) mabuk akibat alkohol atau dadah; atau
e) terlibat atau mengambil bahagian dalam sukan profesional, selam skuba, sebarang acara perlumbaan, penerbangan udara (termasuk terjun lelabah, luncur udara, belon udara, payung terjun dan terjun udara) melainkan sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang menaiki pesawat penumpang komersil berlesen yang beroperasi melalui laluan yang dijadualkan biasa atau sebarang aktiviti atau sukan berbahaya, melainkan telah dipersetujui melalui pengendorsan khas; atau
f) apa-apa bentuk sakit atau penyakit yang bukan disebabkan oleh kemalangan; atau
g) penggunaan narkotik atau dadah melainkan diambil mengikut preskripsi doktor.

***Nota:*** *Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen sijil untuk senarai penuh pengecualian-pengecualian di bawah sijil ini.*

## Syarat-syarat Sijil yang Lain

**Pertukaran Pekerjaan, Advokasi & Sukan**
Anda mestilah memaklumkan kami tentang sebarang pertukaran pekerjaan, perniagaan atau kegiatan kerana ia boleh mempengaruhi sumbangan, terma, syarat dan manfaat produk

**Kadar *Tabarru*` yang Tidak Dijamin**

Kadar *Tabarru*` adalah tidak dijamin. PruBSN boleh membuat perubahan kepada kadar *Tabarru*` pada ulang tahun sijil dengan memberi notis bertulis 90 hari lebih awal.

# Lampiran: Manfaat-manfaat Sijil yang Lain dan Pilihan-pilihan

## Manfaat-manfaat

- **Perkongsian Lebihan**
  Anda akan menerima 50% daripada lebihan yang boleh diagihkan (jika ada), termasuk keuntungan pelaburan, daripada Dana *Tabarru`* di mana ia akan dikreditkan ke dalam MSA anda. Kami akan mengambil baki 50% daripada lebihan yang boleh diagihkan itu (jika ada) sebagai yuran prestasi kerana menguruskan Dana *Tabarru`*. Amaun sebenar bagi lebihan yang boleh diagihkan akan ditentukan oleh kami dan adalah tertakluk pada kelulusan daripada Jawatankuasa Shariah dan Lembaga Pengarah kami. Sila ambil perhatian bahawa lebihan yang boleh diagihkan tidak diilustrasi di dalam Ilustrasi Produk.

- **Matang**
  Apabila sijil telah matang, amaun yang lebih tinggi di antara yang berikut akan dibayar kepada anda:
  (a) amaun Manfaat Matang yang Dijamin yang bersamaan dengan Jumlah Perlindungan Asas; atau
  (b) amaun di dalam MSA;
  beserta nilai unit-unit di dalam IUA (jika ada). Nilai unit-unit adalah berdasarkan kepada harga unit pada tarikh penilaian yang berikutnya selepas tarikh matang.

  Manfaat Matang yang Dijamin hanya akan dibayar sekiranya anda telah membayar semua sumbangan anda secara penuh di dalam tempoh tangguh untuk bayaran sumbangan. Sekiranya syarat ini tidak dipenuhi, anda hanya akan menerima nilai tunai di dalam MSA dan IUA (jika ada) anda sahaja apabila sijil matang di mana amaunnya mungkin lebih rendah daripada Manfaat Matang yang Dijamin.

- **Serahan**
  Sekiranya sijil ditamatkan akibat serahan, amaun yang tinggal di dalam MSA (jika ada) dan nilai unit-unit di dalam IUA (jika ada) akan dibayar. Nilai unit-unit adalah berdasarkan kepada harga unit pada tarikh penilaian yang berikutnya selepas notis serahan telah diberi. Anda masih lagi berupaya untuk menarik balik notis serahan anda sebelum waktu tutup penilaian. Kesemua manfaat akan terhenti selepas sijil ditamatkan.

## Pilihan-pilihan

- **Sumbangan yang Tidak Dibayar:**
  Sekiranya anda tidak membayar sumbangan anda di dalam tempoh tangguh untuk bayaran sumbangan, anda akan kehilangan manfaat Peruntukan Tanpa Luput dan sijil anda mempunyai risiko untuk ditamatkan sekiranya amaun di dalam MSA anda tidak mampu untuk menampung penolakan *Tabarru`*, bayaran Tunai Tahunan dan caj-caj di bawah sijil. Di samping itu, Manfaat Matang hanya akan dibayar sekiranya anda telah membayar semua sumbangan anda secara penuh di dalam tempoh tangguh untuk bayaran sumbangan. Sekiranya syarat ini tidak dipenuhi, anda hanya akan menerima nilai tunai di dalam MSA dan IUA (jika ada) anda sahaja apabila sijil matang di mana amaunnya mungkin lebih rendah daripada Manfaat Matang yang Dijamin.

- **Luput dan Penguatkuasaan Semula:**
  Sijil akan ditamatkan sekiranya MSA anda tidak lagi berupaya untuk menampung penolakan *Tabarru`*, Bayaran Tunai Tahunan dan caj-caj lain di bawah sijil. Apabila sijil telah ditamatkan, kesemua manfaat-manfaat akan terhenti dan kami akan membayar nilai unit-unit di dalam IUA (jika ada) kepada anda. Apabila sijil telah luput, anda boleh membuat penguatkuasaan semula dalam tempoh 12 bulan dari tarikh luput dengan membayar sumbangan yang tertunggak yang kami tentukan semasa penguatkuasaan semula. Walaubagaimanapun, selepas penguatkuasaan semula telah dibuat, Dana *Tabarru`* tidak lagi akan memberi sokongan sekiranya amaun di dalam MSA tidak mencukupi untuk membayar Bayaran Tunai Tahunan atau Manfaat Matang.

- **Penukaran Dana:**
  Sekiranya anda mendapati bahawa dana yang telah anda pilih untuk IUA anda tidak lagi sesuai, anda berupaya untuk membuat penukaran dana pada bila-bila masa. Caj *Wakalah* Penukaran Dana adalah ditetapkan pada 1% daripada amaun yang ditukar tertakluk pada amaun maksimum sebanyak RM50 bagi setiap penukaran. Empat penukaran percuma akan diberi bagi setiap tahun sijil. Caj *Wakalah* Penukaran Dana akan dikecualikan sehingga transaksi elektronik sudah tersedia. Selepas itu, setiap permintaan manual untuk penukaran tambahan akan dikenakan caj tersebut. Unit-unit boleh ditukar di antara dana-dana Takafulink pada bila-bila masa.

- **Pengarahan Semula Sumbangan IUA:**
  Anda boleh membuat perubahan kepada dana Takafulink yang telah anda pilih (di dalam gandaan 5%) bagi Sumbangan IUA anda.

- **Penambahan Sumbangan Tunggal:**
  Penambahan boleh dibuat pada bila-bila masa di mana ia akan dilaburkan ke dalam MSA. Amaun minimum yang diperlukan untuk penambahan ialah RM50. Setiap penambahan akan dikenakan Caj *Wakalah* Penambahan Sumbangan Tunggal sebanyak RM25. Caj ini akan dikecualikan sehingga transaksi elektronik sudah tersedia. Selepas itu, setiap permintaan manual untuk tambah nilai akan dikenakan caj tersebut.

- **Pengeluaran Separa:**
  Setiap pengeluaran separa akan dikenakan Caj *Wakalah* Pengeluaran Separa sebanyak RM25. Caj ini akan dikecualikan sehingga transaksi elektronik sudah tersedia. Selepas itu, setiap permintaan manual untuk tambah nilai akan dikenakan caj tersebut.

  Anda boleh membuat pengeluaran separa daripada IUA anda sekiranya terdapat unit-unit yang mencukupi di dalamnya. Amaun minimum yang boleh dikeluarkan adalah sebanyak RM500. Pengeluaran lengkap dibenarkan tetapi tidak digalakkan.

- **Pilihan untuk Menukar Sumbangan Takaful Saver:**
  Anda boleh membuat perubahan kepada sumbangan untuk Takaful Saver (jika ada) tertakluk pada syarat-syarat yang kami tetapkan.

***Nota:*** *PruBSN boleh membuat perubahan kepada caj-caj yang dinyatakan di atas sekiranya perlu dengan memberi notis awal 90 hari kepada anda.*

PRUDENTIAL BSN
TAKAFUL

# TAKAFULINK
# DANA URUS

## HELAIAN FAKTA DANA UTAMA **2022**

# TAKAFUL & KAMI

Takaful secara harfiah bermaksud tanggungjawab, jaminan, jaminan kolektif dan usaha bersama. Secara umum, takaful diasaskan pada pengaturan kerjasama *(Ta'awun)* berdasarkan prinsip-prinsip bersama dan solidariti, merangkumi unsur-unsur indemniti dan kepentingan bersama. Takaful ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, iaitu perkiraan berasaskan pertolongan secara kolektif yang di bawahnya peserta takaful bersetuju menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama bagi menyediakan manfaat kewangan bersama untuk dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.

Bergantung pada model takaful yang diluluskan, caruman peserta akan disalurkan ke dana berasingan untuk pelaburan. Dana-dana* kami hanya dilaburkan di dalam pelaburan patuh Syariah, dalam dan luar negara. Setiap pelaburan dibuat selepas mengambil kira risiko dan pulangan yang terlibat.

Di Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN), kami mendukung nilai-nilai ini melalui amalan profesional bagi menyediakan segala keperluan peserta. Nilai-nilai ini amat jelas dalam setiap transaksi sekaligus menjadikan kami sebagai pilihan berhemat.

Melalui rangkaian agensi dan rakan niaga, kami menyediakan pelbagai produk inovatif yang melindungi setiap aspek kehidupan anda. Daripada perlindungan ke simpanan dan keperluan kerohanian, setiap produk kami dicipta untuk memberikan ketenangan minda anda.

* *Dana-dana Takafulink adalah instrumen pelaburan yang mematuhi Syariah.*

# TAKAFULINK DANA URUS

| **Ciri-ciri Dana** | |
|---|---|
| Objektif Pelaburan | Takafulink Dana Urus (Dana) bertujuan untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka masa sederhana ke jangka masa panjang dengan melabur dalam instrumen pasaran ekuiti, sukuk dan pasaran wang Islamik yang patuh Syariah melalui Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Sukuk, dan dalam mana-mana Dana Takafulink yang tersedia pada masa akan datang. |
| Strategi Pelaburan & Pendekatan | Dana bertujuan untuk mencapai objektif dengan melabur di dalam portfolio seimbang yang merangkumi ekuiti patuh Syariah dan sekuriti yang berkaitan dengan ekuiti patuh Syariah, juga termasuk sukuk dan instrumen pasaran wang Islamik melalui Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Sukuk, dan dalam mana-mana dana Takafulink lain yang akan ditawarkan pada masa hadapan. |
| Peruntukan Aset | • Di antara 70% hingga 90% daripada aset akan dilaburkan dalam Takafulink Dana Ekuiti;<br>• Di antara 10% hingga 30% daripada aset akan dilaburkan dalam Takafulink Dana Sukuk; dan<br>• Baki Dana NAV yang tidak dilabur dalam kedua-dua Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Sukuk tersebut akan dilaburkan dalam instrumen pasaran wang patuh Syariah. |
| Tanda Aras Prestasi | • 80% Indeks FTSE Bursa Malaysia Emas Syariah (FBMS) + 20% kadar Deposit-i Tetap Islam MBB 12-bulan.<br>*Maklumat lanjut mengenai FBMS boleh didapati di laman web Bursa Malaysia dan Bloomberg.*<br>*Maklumat lanjut mengenai kadar Deposit Islam MBB 12-bulan boleh didapati di laman web Maybank2u.* |
| Pengurus Dana | Eastspring Al-Wara' Investments Berhad (200901017585 (860682-K)) |

| **Yuran & Caj** | |
|---|---|
| Caj *Wakalah* Pengurusan Aset | 1.3% setahun |
| Caj Lain, jika ada | TIADA |

# TAKAFULINK DANA URUS

## Prestasi Dana

| Tahun | Prestasi Sebenar | Tanda Aras* |
|---|---|---|
| 2022 | (5.39%) | (8.19%) |
| 2021 | (1.28%) | (5.07%) |
| 2020 | 11.86% | 8.85% |
| 2019 | 5.07% | 3.78% |
| 2018 | (7.08%) | (10.26%) |
| 2017 | 9.66% | 9.19% |
| 2016 | (2.08%) | (4.28)% |
| 2015 | 4.78% | 2.61% |
| 2014 | 1.83% | (2.76%) |
| 2013 | 11.85% | 11.18% |

**Asas pengiraan prestasi sebelumnya:**

$$= \frac{\text{NAV* untuk tahun n}}{\text{NAV* untuk tahun n-1}} \% - 100\%$$

* *NAV ialah pada dasar seunit.*

***Nota Penting: Prestasi lampau Dana bukan satu petunjuk untuk prestasi masa hadapan. Ini adalah prestasi untuk dana pelaburan semata-mata dan bukan pulangan yang diperolehi daripada sumbangan sebenar yang dibayar untuk produk takaful berkaitan pelaburan.***

** 2013 – 2015 Penanda Aras: 80% FBMS + 20% Kadar Deposit Tetap Islam MBB 1-bulan Peringkat-1.*
*2016 – 2022 Penanda Aras: 80% FBMS + 20% Kadar Deposit-i Tetap Islam MBB 12-bulan.*

## Harga Hadapan

Unit diwujudkan dan dibatalkan pada tarikh penentuan harga berikutnya selepas penerimaan sumbangan atau pemberitahuan tuntutan.

## Faktor Risiko

**Sila rujuk kepada butiran Faktor Risiko yang dinyatakan di bawah:**

- **Risiko Pasaran**

  Risiko pasaran merujuk kepada potensi kerugian yang berkemungkinan timbul akibat perubahan ketara dalam suasana pasaran. Secara umumnya, keadaan pasaran, dipengaruhi pelbagai faktor termasuk kestabilan ekonomi dan politik. Sekiranya pasaran di mana Dana dilaburkan mengalami kemerosotan akibat keadaan ekonomi atau ketidakstabilan politik, ia boleh memberi impak kepada harga pasaran pelaburan Dana.

- **Risiko Kecairan**

  Risiko kecairan merujuk kepada dua senario. Senario pertama adalah di mana sekuriti patuh Syariah tidak dapat dijual kerana ketiadaan pembeli untuk pelaburan tersebut. Senario kedua pula adalah di mana pelaburan tersebut kurang didagangkan. Ia boleh menyebabkan Dana melupuskan pelaburan tersebut di pasaran pada harga yang tidak memberangsangkan dan memberi kesan buruk pada pelaburan yang dibuat oleh pelabur. Risiko kecairan boleh dikurangkan melalui proses pemilihan sekuriti cair yang ketat dan pemantauan aktif.

- **Risiko Sekuriti**

  Harga sekuriti patuh Syariah tertentu boleh berubah-ubah dalam tindak balas terhadap keadaan yang menjejaskan syarikat-syarikat individu. Sebarang pergerakan ketara dalam harga sesuatu sekuriti patuh Syariah yang dilaburkan oleh Dana boleh menjejaskan NAV Dana. Pengurus Dana akan berusaha untuk mengurangkan kesan risiko sekuriti patuh Syariah berkenaan dengan mempelbagaikan sekuriti dalam portfolio.

- **Risiko Ketidakpatuhan**

  Ketidakpatuhan kepada undang-undang, peraturan, syarat, resolusi Syariah, amalan baik, dasar dan prosedur dalaman boleh mengakibatkan pengawasan dari pihak berkuasa, mengancam reputasi dan mengurangkan potensi pengembangan Dana. Matlamat pelaburan juga mungkin terjejas sekiranya Pengurus Dana tidak mematuhi mandat pelaburan. Untuk mengurangkan risiko ini, Pengurus Dana mempunyai kawalan dalaman yang ketat dan perlu memastikan pematuhan berterusan dengan undang-undang, peraturan, syarat, resolusi Syariah, amalan baik dan polisi dalaman serta prosedur yang ditetapkan oleh Pengurus Dana.

## Faktor Risiko

- **Risiko Syarikat Pengurusan**

  Ini adalah risiko Pengurus Dana atas kesilapan yang tidak disengajakan, ketidakpatuhan terhadap mandat Dana berkaitan pelaburan. Risiko ini boleh dikurangkan oleh Pengurus Dana menggunakan cara berikut:

  – Pemantauan oleh jawatankuasa pelaburan;

  – Pemantauan had pelaburan dan sekatan melalui sistem pentadbiran yang digunakan oleh Pengurus Dana dan peniaga untuk menjalankan dagangan juga mempunyai keupayaan untuk memantau pelbagai peraturan dan keperluan dalaman seperti pelanggaran pelaburan; dan

  – Pelaporan risiko operasi dan pelaburan secara berkala kepada pihak pengurusan kanan.

- **Risiko Inflasi**

  Risiko ini merujuk kepada risiko di mana pelaburan oleh pelabur dalam Dana mungkin tidak berkembang atau tidak menjana pendapatan yang seiring dengan inflasi, menyebabkan pengurangan kuasa pembelian pelabur walaupun dari sudut kewangan, pelaburan tersebut mungkin telah meningkat.

- **Risiko Pengkelasan Semula Status Syariah**

  Ini adalah risiko di mana sekuriti ekuiti patuh Syariah yang sedang dipegang dalam Dana Sasaran boleh dikelaskan semula sebagai tidak patuh Syariah selepas semakan berkala sekuriti tersebut dilakukan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti atau Penasihat Syariah. Jika ia berlaku, Pengurus Dana Sasaran akan mengambil langkah yang perlu untuk melupuskan sekuriti tersebut. Peluang kerugian boleh berlaku akibat sekatan ke atas Dana Sasaran untuk menyimpan lebihan keuntungan modal yang diperolehi daripada pelupusan ekuiti yang dikelaskan semula sebagai tidak patuh Syariah. Jika ia berlaku, Dana Sasaran perlu:

  i. melupuskan sekuriti berkenaan dengan kadar segera atau dalam masa satu (1) bulan kalendar jika nilai sekuriti melebihi atau bersamaan dengan kos pelaburan pada tarikh kuat kuasa pengkelasan semula Senarai Sekuriti Patuh Syariah ("Pengkelasan Semula") yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti atau tarikh semakan ("Semakan") daripada Penasihat Syariah. Dana Sasaran dibenarkan untuk menyimpan dividen yang diterima dan lebihan keuntungan modal daripada pelupusan sekuriti sehingga pada tarikh kuat kuasa pengkelasan semula atau penilaian semula. Bagaimanapun, sebarang dividen yang diterima dan lebihan keuntungan modal daripada pelupusan sekuriti tidak patuh Syariah selepas tarikh kuat kuasa pengkelasan semula hendaklah disalurkan kepada baitulmal dan/atau badan amal yang diluluskan;

**Faktor Risiko**

ii. untuk memegang sekuriti tersebut jika nilai sekuriti di bawah kos pelaburan pada hari dagangan terakhir sebelum tarikh kuat kuasa pengkelasan atau penilaian semula sehingga jumlah dividen berikutnya yang diterima (jika ada) dan harga pasaran sekuriti bersamaan dengan kos pelaburan di mana pelupusan perlu dilakukan dalam tempoh satu (1) bulan kalendar, keuntungan modal (jika ada) daripada pelupusan sekuriti tersebut hendaklah disalurkan ke baitulmal dan/atau badan amal yang diluluskan oleh Penasihat Syariah; atau

iii. untuk melupuskan sekuriti tersebut pada harga lebih rendah berbanding kos pelaburan yang akan menyebabkan pengurangan nilai Dana Sasaran.

- **Risiko Kadar Faedah**

  Secara amnya, penilaian sukuk akan bergerak secara songsang mengikut pergerakan kadar faedah. Oleh itu, penilaian untuk sukuk mungkin jatuh semasa faedah meningkat dan sebaliknya. Sekiranya Dana menyimpan sukuk hingga ia matang, pergerakan turun naik ini akan berkurangan apabila sukuk menghampiri tempoh matang. Untuk mengurangkan kesan pergerakan kadar faedah, Pengurus Dana akan menguruskan tempoh portfolio dengan mempelbagaikan tempoh pelaburan sukuk Dana berdasarkan pandangan Pengurus Dana mengenai masa hadapan kadar faedah.

  Kadar faedah adalah petunjuk umum ekonomi yang akan memberi kesan ke atas pengurusan Dana tanpa mengambilkira sama ada dana Islamik atau sebaliknya. Ia bukan sama sekali menyarankan agar Dana melabur dalam instrumen kewangan konvensional. Semua pelaburan yang dilaksanakan untuk Dana adalah selaras dengan kepatuhan Syariah.

- **Risiko Kredit/Keingkaran**

  Risiko ini merujuk kepada ketidakupayaan penerbit sukuk yang dipegang oleh Dana untuk membuat bayaran prinsipal atau keuntungan apabila matang. Sekiranya penerbit ingkar dalam membuat pembayaran prinsipal atau keuntungan, nilai Dana akan terjejas. Pengurus Dana akan mengurangkan risiko kredit/keingkaran Dana dengan melakukan penyelidikan berterusan ke atas kredit dan analisis untuk menentukan kedudukan kredit penerbit. Risiko ini dapat dikurangkan melalui pelaburan dalam sukuk dengan penarafan kredit minimum A3 dan P3 atau penarafan setara oleh agensi-agensi

## Faktor Risiko

- **Risiko Pihak Lawan**

  Dana akan didedahkan kepada risiko kredit pihak lawan di mana ia didagangkan seperti kemungkinan insolvensi, kemuflisan atau keingkaran oleh pihak lawan di mana Dana didagangkan, yang mungkin mengakibatkan kerugian pada Dana. Risiko ini boleh dikurangkan dengan harga melabur dalam instrumen yang dikeluarkan oleh pihak lawan dengan penarafan kredit minimum A3 dan P3 atau penarafan setara oleh agensi penarafan kredit yang diiktiraf di Malaysia atau di peringkat antarabangsa.

*Nota: Perkara di atas tidak harus dianggap sebagai senarai lengkap risiko yang harus dipertimbangkan peserta sebelum melabur dalam Dana. Peserta perlu sedar bahawa pelaburan dalam Dana mungkin terdedah kepada risiko lain dari semasa ke semasa. Peserta harus berunding dengan penasihat profesional untuk memahami risiko-risiko dengan lebih baik.*

## Strategi Pengurusan Risiko

Strategi pengurusan risiko yang diguna pakai oleh Pengurus Dana adalah termasuk yang berikut:

- Memantau keadaan pasaran dan ekonomi;
- Memantau kepatuhan objektif dan sekatan serta batasan bagi Dana;
- Memantau prestasi Dana;
- Mengambil posisi defensif sementara, apabila perlu; dan
- Menyalur dan melaporkan hal pelaburan kepada jawatankuasa pelaburan, pasukan pengurusan kanan, jawatankuasa audit, jawatankuasa Syariah dan lembaga pengarah

| Maklumat Lain | |
|---|---|
| Pasaran Sasaran | Peserta yang mempunyai toleransi risiko yang sederhana hingga tinggi dan jangka masa pelaburan dari sederhana hingga jangka panjang. |
| Dasar & Kekerapan Penilaian Unit | • Penentuan harga unit dilakukan setiap hari.<br>• Harga unit dikira berdasarkan nilai pasaran aset-aset asas bagi Dana, dibahagikan dengan bilangan unit yang dikeluarkan.<br>• Dana tidak membayar sebarang dividen. Semua pendapatan dan keuntungan modal secara automatik dilabur semula dalam harga unitnya.<br>• Harga unit ialah harga tunggal di mana unit diwujudkan dan dibatalkan. |
| Keadaan Dikecualikan | PruBSN akan menggantung penetapan harga unit dan transaksi sijil jika mana-mana bursa di mana Dana dilaburkan digantung dagangan buat sementara waktu. Dalam keadaan sedemikian, notis penggantungan mungkin diterbitkan dan mungkin diberitahu kepada peserta atas permintaan untuk penambahan, pertukaran, penebusan atau pengeluaran kepada/dari mana-mana dana Takafulink tersebut. |

Penafian:
Helaian fakta dana utama ini disediakan oleh Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN) untuk maklumat am dan tujuan ilustrasi sahaja dan tidak sepatutnya dijadikan asas untuk membuat keputusan pelaburan, kewangan atau keputusan-keputusan lain. Walaupun bahan-bahan yang digunakan dalam penyediaan profil dana ini diperolehi daripada sumber-sumber yang boleh dipercayai, PruBSN tidak menjamin ketepatan dan kesempurnaan maklumat. Sebarang analisis dan pendapat yang dinyatakan adalah tertakluk kepada perubahan tanpa notis. Prestasi masa lalu tidak menjamin keputusan masa hadapan. Para pembaca dinasihatkan untuk menghubungi PruBSN atau ejen-ejennya untuk butiran lanjut dan penjelasan maklumat yang berkaitan dengan produk yang ditawarkan oleh kami. PruBSN dan mana-mana syarikatnya yang berkaitan menafikan sebarang liabiliti walau apa pun sifatnya, sekiranya para pembaca mengalami kerugian apabila mereka hanya bergantung kepada kandungan maklumat di dalam profil dana ini.

PRUDENTIAL BSN
TAKAFUL

**TAKAFUL**
Untuk Semua. Untuk Kehidupan

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

**Prudential BSN Takaful Berhad** 200601020898 (740651-H)
Level 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat, 55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.

Talian Khidmat Pelanggan: +603 2775 7188
E-mel: customer@prubsn.com.my

www.prubsn.com.my

MEMBER / AHLI
成 员 / உறுப்பினர்
PIDM
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Protecting Your Insurance And Deposits In Malaysia

*Semua maklumat dianggap sah pada tarikh penerbitan.*
*Terbitan Mac 2023*